



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

TAHUN 2017

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN,
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN,
AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN
SERTA PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN
BERKANUN PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG
PERSEKUTUAN, AKAUN AMANAH DAN AGENSI
LAIN SERTA PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN
SIRI 2**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERIHAL	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	ix
INTISARI LAPORAN	xv
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2017	3
1. Pendahuluan	3
2. Penyerahan Penyata Kewangan	4
3. Pemakaian Piawaian Perakaunan	5
4. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	6
5. Pembentangan Penyata Kewangan Di Parlimen	19
6. Analisis Prestasi Kewangan	20
BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) JABATAN/BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	69
7. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan	69
PENUTUP	133
LAMPIRAN A Senarai Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain	137



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan/Agenzi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2 Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3 Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan

1.4 Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya ini adalah mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain bagi tahun berakhir 2017.

3. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Menteri berkenaan hendaklah membentangkan di Parlimen dengan seberapa segera Penyata Kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Tahunan Badan Berkanun Persekutuan. Selaras dengan peruntukan Akta ini dan Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi

tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

4. Pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2017 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). Ini bagi memastikan pengauditan dilaksanakan dengan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.
5. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards* (FRS)/ *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS), *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS) dan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS).
6. Setakat 30 September 2018, pengauditan telah dijalankan terhadap 148 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain bagi tahun kewangan 2017. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, sebanyak 110 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 17 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*, enam (6) diberi Pendapat Berteguran, satu (1) diberi Pendapat Bertentangan dan satu (1) diberi Penafian Pendapat manakala 13 penyata kewangan masih belum dimuktamadkan.
7. Selain itu, pengauditan pengurusan kewangan turut dijalankan di mana prestasi pengauditan pengurusan kewangan di 19 Jabatan Persekutuan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **dua (2)** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **10** mencapai tahap **Baik**, **lima (5)** berada ditahap **Memuaskan** dan **dua (2)** pada tahap **Kurang Memuaskan**.
8. Prestasi pengurusan kewangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) secara *across the board* di 14 JKDM negeri bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **tiga (3)** JKDM Negeri mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **tujuh (7)** JKDM Negeri mencapai tahap **Baik** dan **empat (4)** berada ditahap **Memuaskan**.
9. Prestasi pengurusan kewangan 13 cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) secara *across the board* di 13 negeri bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **tiga (3)** kampus cawangan mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **tujuh (7)** kampus cawangan mencapai tahap **Baik** dan **dua (2)** ditahap **Memuaskan** dan **satu (1)** kampus cawangan pada tahap **Kurang Memuaskan**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

10. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

2 November 2018



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1.1 Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 148 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2017 untuk Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan/Akaun Amanah dan agensi lain. Daripada jumlah tersebut, 135 merupakan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), 11 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan/Akaun Amanah tidak termaktub di bawah Akta 240 serta dua (2) agensi lain yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

1.2 Setakat 30 September 2018, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara terhadap 135 daripada 148 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2017. Sebanyak 13 penyata kewangan agensi bagi tahun 2017 masih belum dimuktamadkan dan sembilan (9) daripadanya adalah kerana Pengerusi Lembaga Pengarah belum dilantik dan mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dapat diadakan bagi memperakui penyata kewangan yang telah diaudit. Selain itu, masalah sistem dan isu pengurusan juga merupakan faktor kelewatan bagi empat (4) penyata kewangan agensi masih belum dimuktamadkan.

1.3 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 34 daripada 148 penyata kewangan tahun 2017 manakala baki 114 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.4 Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2017:

- Pendapatan 114 Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM124.362 bilion iaitu meningkat sejumlah RM18.818 bilion atau 17.8% berbanding RM105.544 bilion pada tahun 2016. Pendapatan janaan sendiri berjumlah RM100.785 bilion atau 81.1% merupakan penyumbang terbesar jumlah pendapatan, diikuti dengan geran

mengurus berjumlah RM16.952 bilion atau 13.6% dan pelunasan geran lain berjumlah RM6.625 bilion atau 5.3%.

- Geran mengurus yang diterima oleh 71 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 21 kementerian adalah berjumlah RM16.952 bilion, iaitu menurun sejumlah RM1.198 bilion atau 6.6% berbanding RM18.150 bilion pada tahun 2016.
- Geran pembangunan yang diterima oleh 53 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 15 kementerian adalah berjumlah RM7.310 bilion iaitu menurun sejumlah RM1.643 bilion atau 18.4% berbanding RM8.953 bilion bagi 57 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 16 kementerian pada tahun 2016.
- Sejumlah RM6.625 bilion geran pembangunan telah dilunaskan oleh 69 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 18 kementerian, iaitu meningkat sejumlah RM1.721 bilion atau 35.1% berbanding RM4.904 bilion bagi 66 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 17 kementerian pada tahun 2016.
- Sebanyak 75 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan lebihan pendapatan manakala 39 Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan kurangan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 2017.
- Sebanyak 109 Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan lebihan terkumpul di mana Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) mencatatkan lebihan terkumpul yang tertinggi berjumlah RM61.680 bilion, diikuti oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjumlah RM25.809 bilion dan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan jumlah RM14.744 bilion.
- Nilai aset bagi 114 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM1,822.001 bilion mencatatkan peningkatan sejumlah RM101.891 bilion atau 5.9% berbanding RM1,720.110 bilion pada tahun 2016. Daripada keseluruhan nilai aset tersebut, sejumlah RM1,464.390 bilion atau 80.4% adalah terdiri daripada aset pelaburan, diikuti dengan aset lain berjumlah RM269.160 bilion atau 14.8% manakala tunai dan kesetaraan tunai adalah berjumlah RM88.451 bilion atau 4.8%.
- Sebanyak tujuh (7) Badan Berkanun Persekutuan telah merekodkan peningkatan aset pelaburan pada tahun 2017 antara 1.7% hingga 15.1% berbanding tahun 2016 manakala tiga (3) Badan Berkanun Persekutuan

telah mencatatkan pengurangan dalam aset pelaburan antara 12.8% hingga 30.3%. Nilai aset pelaburan Badan Berkanun Persekutuan dalam negara adalah berjumlah RM814.814 bilion atau 55.6% manakala nilai aset pelaburan di luar negara berjumlah RM649.576 bilion.

- Nilai pelaburan bersih dalam syarikat subsidiari oleh 53 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 15 kementerian adalah berjumlah RM33.634 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM2.887 bilion atau 9.4% berbanding RM30.747 bilion pada tahun 2016. Perbezaan ini disumbangkan oleh penubuhan 21 buah syarikat baru pada tahun 2017 menjadi 224 buah syarikat berbanding 203 buah syarikat pada tahun 2016.
- Sebanyak 114 agensi memperoleh tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM88.45 bilion menurun sejumrah RM10.91 bilion atau 11% berbanding RM99.36 bilion pada tahun 2016.
- Baki liabiliti bagi 114 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM519,853.49 juta pada tahun 2017 dan RM512,492.03 juta yang dilaras semula pada tahun 2016.
- Baki pinjaman bagi 25 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 15 kementerian adalah berjumlah RM88.356 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM7.642 bilion atau 9.5% berbanding RM80.714 bilion pada tahun 2016.
- Sebanyak 25 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 13 kementerian mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM2.104 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM0.545 bilion atau 34.9% berbanding RM1.559 bilion pada tahun 2016.

PENGURUSAN KEWANGAN DI JABATAN/BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

2.1 Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 19 Jabatan Persekutuan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **dua (2)** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **10** mencapai tahap **Baik**, **lima (5)** berada ditahap **Memuaskan** dan **dua (2)** pada tahap **Kurang Memuaskan**.

2.2 Prestasi pengurusan kewangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) secara *across the board* di 14 JKDM negeri bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **tiga (3)** JKDM Negeri mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **tujuh (7)** JKDM Negeri mencapai tahap **Baik** dan **empat (4)** berada ditahap **Memuaskan**.

2.3 Prestasi pengurusan kewangan 13 cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) secara *across the board* di 13 negeri bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **tiga**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

(3) kampus cawangan mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **tujuh (7)** kampus cawangan mencapai tahap **Baik** dan dua (2) ditahap **Memuaskan** dan satu (1) kampus cawangan pada tahap **Kurang Memuaskan**.



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2017

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN,
AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN**

1. PENDAHULUAN

1.1 Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 148 penyata kewangan agensi bagi tahun kewangan berakhir 2017 yang meliputi Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain. Daripada jumlah tersebut, 135 merupakan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, 11 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah serta dua (2) agensi lain yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

1.2 Setakat 30 September 2018, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara terhadap 135 daripada 148 penyata kewangan agensi bagi tahun 2017. Sebanyak 13 penyata kewangan agensi bagi tahun 2017 masih belum dimuktamadkan dan sembilan (9) daripadanya adalah kerana Pengerusi Lembaga Pengarah belum dilantik dan mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dapat diadakan bagi memperakui penyata kewangan yang telah diaudit. Selain itu, masalah sistem dan isu pengurusan juga merupakan faktor kelewatan bagi empat (4) penyata kewangan agensi masih belum dimuktamadkan.

1.3 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 34 daripada 148 penyata kewangan tahun 2017 manakala baki 114 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.4 Pengauditan penyata kewangan tahun 2017 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

2. PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh enam (6) bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan 1Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1 yang menghendaki penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Ini bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membentangkan penyata kewangan yang diaudit pada tahun yang sama.

2.2 Jabatan Audit Negara telah menetapkan penyata kewangan hendaklah disahkan dalam tempoh empat (4) bulan selepas tarikh penerimaannya. Sebanyak 146 agensi telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 sebelum 30 April 2018 dan dua (2) agensi mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2018. Kelewatan mengemukakan penyata kewangan agensi selepas 30 Jun 2018 perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Senarai agensi yang terlibat adalah seperti **Jadual 2.1**.

JADUAL 2.1
AGENSI YANG LEWAT/BELUM MENGEMUKAKAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2017 SELEPAS 30 JUN 2018

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TARIKH PENYATA KEWANGAN DIKEMUKAKAN	TEMPOH KELEWATAN SELEPAS 30 JUN 2018 (Hari)	CATATAN
1.	Agensi Inovasi Malaysia (AIM)	29.08.2018	59	Penyata kewangan tidak dikemukakan kerana tidak mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah. Kementerian Kewangan telah meluluskan penangguhan tersebut sehingga 30 September 2018. AIM telah mengemukakan penyata kewangannya lebih awal, iaitu pada 29 Ogos 2018 sebelum berakhir tempoh yang ditetapkan.
2.	Institut Sukan Negara (ISN)	28.09.2018	90	Penyata kewangan tidak dapat dikemukakan pada 30 April 2018 kerana menghadapi masalah sistem. Arahan penangguhan mesyuarat Lembaga Pengarah juga telah dikeluarkan pada 18 Mei 2018. Kementerian Kewangan telah meluluskan penangguhan tersebut sehingga 30 September 2018. ISN telah mengemukakan penyata kewangannya pada 28 September 2018, iaitu sehari lebih awal dari tempoh yang ditetapkan.

Sumber: Surat Permohonan dan Kelulusan Pelanjutan Masa

2.3 Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018, menetapkan supaya semua penyata kewangan bagi tahun berakhir 2018 yang dikemukakan mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah, pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.4 Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 17 Oktober 2018 telah menetapkan agensi diberikan pelanjutan tempoh sehingga 31 Oktober 2018 bagi mengemukakan penyata kewangan 2017 yang telah diaudit kepada Jabatan Audit Negara bagi tujuan persijilan. Surat ini diedarkan lanjutan daripada penyusunan semula Kementerian dan Badan Berkanun Persekutuan yang turut melibatkan komposisi Lembaga Pengarah Agensi. Sehubungan itu, Jabatan Audit Negara perlu memastikan Laporan Ketua Audit Negara bagi penyata kewangan tahun 2017 yang telah diaudit dikeluarkan sebelum 31 Disember 2018.

3. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

3.1 *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah 1Pekeling Perbendaharaan PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards* (FRS)/*Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

3.2 Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

3.3 Sebanyak 46 agensi telah menerima pakai MPSAS dalam menyediakan penyata kewangan masing-masing bermula tahun 2016 manakala satu (1) agensi baru, iaitu Lembaga Pelabuhan Labuan telah menggunakan MPSAS

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

sebagai standard perakaunan dalam menyediakan penyata kewangan bagi tahun 2017. Selain itu, tiga (3) lagi agensi menerima pakai MPSAS bagi penyata kewangan tahun 2017 selepas mengguna pakai MPERS pada tahun 2016. Agensi yang terlibat adalah Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM). Sebanyak 76 agensi masih menggunakan pakai MPERS sebagai piawaian perakaunan dalam menyediakan penyata kewangan tahun 2017 memandangkan penguatkuasaan terhadap pemakaian MPSAS adalah pada tahun 2020.

3.4 Manakala sebanyak 22 agensi masih mengekalkan penggunaan MFRS yang diterbitkan oleh MASB dalam penyediaan penyata kewangan bagi tahun 2017. Ini disebabkan pelaporan kewangannya tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

3.5 Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2017 adalah seperti **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

BIL	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)</i>	76
2.	<i>Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/Financial Reporting Standards (FRS)</i>	22
3.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i>	50
JUMLAH		148

Sumber : Penyata Kewangan Agensi

4. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

4.1 Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*. ISSAI menetapkan sebanyak dua (2) jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

4.2.1 Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan piawaian perakaunan yang berkenaan.

4.2.2 Pendapat Bolehubah

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila juruaudit ingin menyatakan pendapat bolehubah seperti berikut:

a. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

i. Perenggan *Emphasis of Matter*

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

ii. Perenggan Perkara lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Laporan Audit.

b. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

i. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat, tetapi juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenalpasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

ii. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

iii. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

4.3 Pengauditan yang telah dijalankan terhadap 148 penyata kewangan agensi bagi tahun kewangan 2017 mendapati sebanyak 110 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 17 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*, enam (6) diberi Pendapat Berteguran, satu (1) diberi Pendapat Bertentangan, dan satu (1) diberi Penafian Pendapat manakala 13 penyata kewangan masih belum dimuktamadkan. Maklumat lanjut adalah seperti **Lampiran A**.

4.4 Selain itu, dua (2) penyata kewangan tahun 2016 yang tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2016 kerana lewat dikemukakan. Bagaimanapun, ia telah dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara pada bulan September dan Oktober 2017. Agensi tersebut, iaitu Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Lembaga Ahli Geologi Malaysia masing-masing telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2014 sehingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN
AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2014 SEHINGGA 2017

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2014	2015	2016	2017
1.	Pendapat Tanpa Teguran	126	121	129	110
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	7	12	12	17

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2014	2015	2016	2017
3.	Pendapat Berteguran	5	6	4	6
4.	Pendapat Bertentangan	-	2	1	1
5.	Penafian Pendapat	1	-	-	1
JUMLAH		139	141	146*	135**

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014 - 2017

Nota: (1) * Penyata Kewangan Tahun 2016 turut mengambil kira 2 Penyata Kewangan (Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Lembaga Ahli Geologi Malaysia) yang lewat ditandatangani serta 1 Penyata Kewangan (Lembaga Teknologis Malaysia) yang dikeluarkan LKAN pada tahun 2018.

(2) ** Penyata Kewangan Tahun 2017 bagi 13 Agensi belum dimuktamadkan

4.5 Bagi tahun kewangan 2017, sebanyak 98 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, 10 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah serta dua (2) agensi lain telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran.

4.6 Sebanyak 16 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan satu (1) penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* adalah seperti **Jadual 4.2**.

JADUAL 4.2
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA TEGURAN
DENGAN *EMPHASIS OF MATTER* BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTER</i>
1.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	<p>Rosot Nilai Aset Kewangan</p> <p>i. Kaedah penetapan polisi rosot nilai aset kewangan Lembaga Tabung Haji adalah tidak konsisten. Terdapat perubahan polisi rosot nilai pada setiap tahun khususnya dalam tahun berakhir 31 Disember 2017 di mana polisi ini diubah sebanyak 2 kali.</p> <p>ii. Berdasarkan Perenggan 8, MFRS 136: <i>Impairment of Assets</i>, peruntukan rosot nilai perlu dibuat sekiranya nilai dibawa (<i>carrying amount</i>) pelaburan adalah melebihi nilai diperoleh (<i>recoverable amount</i>). Dalam tahun berakhir 31 Disember 2017, Lembaga Tabung Haji tidak merekodkan rosot nilai berjumlah RM227.81 juta terhadap pelaburan dalam 3 syarikat subsidiari dan 3 syarikat berasaskan khususnya pelaburan dalam syarikat bersekutu, iaitu TH Heavy Engineering Berhad berjumlah RM164.58 juta. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, penyata kewangan syarikat ini menerima Penafian Pendapat oleh Juruaudit Luar.</p>
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	<p>Prestasi Kewangan dan Pengurusan Aliran Tunai</p> <p>i. FELDA dan Kumpulan mengalami kerugian bersih masing-masing berjumlah RM5.73 bilion (2016: RM251.24 juta) dan RM4.85 bilion (2016: RM729.60 juta) seperti dinyatakan di Penyata Pendapatan. Kedudukan liabiliti semasa bersih FELDA dan Kumpulan masing-masing berjumlah RM643.93 juta (2016: Aset Semasa Bersih RM343.17 juta) dan RM27.03 juta (2016: Aset Semasa Bersih RM1.234 bilion).</p> <p>ii. Aliran tunai aktiviti operasi FELDA dan Kumpulan juga mengalami defisit masing-masing berjumlah RM1.20 bilion (2016: RM1.16 bilion) dan RM503.49 juta (2016: RM578.54 juta).</p>

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTER</i>
		<p>iii. Berdasarkan Nota 41 kepada penyata kewangan, FELDA dan Kumpulan juga mempunyai pinjaman daripada institusi kewangan masing-masing berjumlah RM7.80 bilion (2016: 6.82 bilion) dan RM12.14 bilion (2016: RM9.08 bilion).</p>
3.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)	<p>Perjanjian Pinjaman Dengan Subsidiari</p> <p>LHDN telah memberi Pembiayaan Tanpa Faedah berjumlah RM100 juta kepada Yayasan LHDN, iaitu subsidiari yang ditubuhkan pada bulan Oktober 2017. Pembiayaan tersebut telah diberi dengan syarat bayaran balik oleh Yayasan LHDN mulai tahun 2037 selepas tempoh 20 tahun daripada pembiayaan diberi. Bagaimanapun, pembiayaan yang diberi oleh LHDN kepada Yayasan LHDN tidak dimeterai dengan perjanjian antara kedua pihak.</p>
4.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	<p>Kesan Pemakaian MPSAS</p> <p>i. Seksyen 6 Akta LPPSA 2015 menetapkan satu daripada fungsi utama LPPSA adalah untuk menguruskan Kumpulan Wang dan mentadbir kemudahan pembiayaan sektor awam. Pihak Audit mendapati sebagaimana Nota 4.2 kepada Penyata Kewangan, LPPSA telah memilih untuk menerima pakai peruntukan peralihan selama tiga (3) tahun bagi 2 aspek pengiktirafan dan pengukuran hasil untuk pematuhan <i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i> 9 - Hasil daripada Urus niaga Pertukaran dan MPSAS 29 - Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran termasuk pembiayaan perumahan dan pendapatan operasi yang merupakan aktiviti utama LPPSA. Pelepasan di bawah peruntukan peralihan tersebut memberi kesan kepada pembentangan yang saksama bagi angka pembiayaan perumahan tetapi dibenarkan di bawah perenggan 36 dan perenggan 38, MPSAS 33 - <i>First-time Adoption of Accrual Basis</i>.</p> <p>ii. LPPSA melalui Nota 26 kepada Penyata Kewangan telah mendedahkan ketidakpastian anggaran pembiayaan perumahan yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan berikutan pelaksanaan proses pemurnian data yang dijangka akan hanya selesai pada tahun 2018. Selaras dengan perenggan 140, MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan, pendedahan dalam nota hendaklah dilakukan apabila terdapat kebarangkalian ketidakpastian anggaran yang mempunyai risiko signifikan dan menyebabkan pelarasan material dalam tahun kewangan akan datang. LPPSA perlu memastikan proses pemurnian data dapat diselesaikan sebelum tempoh pelepasan peralihan 3 tahun yang dibenarkan di bawah MPSAS 33 berakhir, iaitu pada tahun 2018.</p>
5.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekeling Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	<p>i. Usaha Berterusan</p> <p>Ketidakpastian material berkaitan usaha berterusan (<i>going concern</i>) syarikat subsidiari, iaitu RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd.</p> <p>ii. Hartanah, Loji dan Peralatan</p> <p>Masih terdapat lagi aset-aset terdahulu yang belum direkodkan sebagai Aset Tetap dan RISDA masih berusaha untuk mencari nilai sebenar aset tersebut.</p>
6.	Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia (JURUKUR)	<p>Deposit Fi Ukur</p> <p>Termasuk dalam Deposit Fi Ukur berjumlah RM1.33 bilion (2016: RM1.12 bilion) adalah deposit yang diterima sejak tahun 2009 sehingga tahun 2016 berjumlah RM2.61 juta yang tidak dapat dikenal pasti pendepositnya.</p>
7.	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)	<p>Yuran Ahli</p> <p>Selaras dengan Seksyen 23 kepada MPERS, LJBM tidak mengiktiraf Yuran Ahli berjumlah RM1.36 juta yang diterima daripada Juruukur Bahan berdaftar berdasarkan asas akruan. LJBM mengiktiraf Yuran Ahli sebagai pendapatan mengikut asas tunai.</p>
8.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	<p>Usaha Berterusan</p> <p>Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah disediakan berdasarkan andaian usaha berterusan walaupun pada 31 Disember 2016, Kumpulan Wang Pengurusan menunjukkan baki negatif berjumlah RM139.65 juta. Kedudukan aset semasa Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia pada tarikh tersebut adalah berjumlah RM75.01 juta manakala liabiliti semasa adalah berjumlah RM178.26 juta. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, kurangan bersih selepas cukai adalah berjumlah RM23.32 juta. Berdasarkan kepada prestasi kewangan</p>

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTER</i>
		semasa, keupayaan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk menjelaskan liabiliti semasa adalah bergantung kepada sokongan kewangan daripada Kerajaan.
9.	Perbadanan Labuan (PL)	<p>i. Penghutang Sewa</p> <p>Rekod bagi akaun penghutang sewa tidak diselenggara dengan baik sehingga tindakan susulan untuk mengutip baki tunggakan sewa daripada penyewa-penyewa yang terlibat sukar untuk dilaksanakan. Hal ini juga boleh membawa risiko salah nyata ke atas pernyata kewangan jika dibiarkan berlarutan pada masa hadapan.</p> <p>ii. Cagaran dan Deposit</p> <p>Rekod bagi akaun cagaran dan deposit juga tidak diselenggara dengan baik di mana pembayaran balik cagaran dan deposit bagi akaun cagaran diterima dan deposit sewa tidak dikontrakkan pada deposit yang dibayar pada tahun sebelumnya dan hanya direkodkan pada tahun semasa.</p>
10.	Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP)	Hartanah, Loji dan Peralatan Termasuk dalam Hartanah, Loji dan Peralatan adalah 7 unit basikal berjumlah RM26,895 yang dibeli pada 28 Ogos 2011 dan telah disumbangkan kepada Persatuan Basikal Kuala Lumpur pada 4 Januari 2012. Selain itu, MSWP tidak merekodkan bas <i>coaster</i> yang merupakan hadiah daripada Kementerian Wilayah Persekutuan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan pada nilai nominal RM1. MSWP juga tidak membuat pengelasan daripada liabiliti jangka panjang kepada jangka pendek bagi peruntukan ganjaran cuti rehat kakitangan yang akan bersara pada tahun 2018 berjumlah RM42,960.
11.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Usaha Berterusan UiTM telah mengeluarkan satu surat sokongan kepada syarikat subsidiarinya, UiTM Holdings Sdn. Bhd. bagi menjamin kelangsungan operasi UiTM Holdings Sdn. Bhd. dan Kumpulan. UiTM Holdings Sdn. Bhd. telah menjadi penjamin bagi pinjaman berjumlah RM17.69 juta yang dibuat oleh 2 syarikat subsidiarinya, iaitu UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd. dan Section One Sdn. Bhd. Satu syarikat subsidiari lain, iaitu UiTM Solar Power Sdn. Bhd. telah mengeluarkan sukuk terhad berjumlah RM240 juta dengan jaminan bank daripada UiTM Holdings Sdn. Bhd. berjumlah RM7 juta. Dengan itu, surat sokongan tersebut mendedahkan Universiti Teknologi MARA kepada ketidakpastian komitmen kewangan terhadap UiTM Holdings Sdn. Bhd. dan Kumpulan di masa hadapan.
12.	Universiti Malaya (UM)	Kumpulan Wang Penyelidikan Kumpulan Wang Penyelidikan seperti yang dinyatakan dalam nota 32(a) kepada pernyata kewangan Universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah menunjukkan baki defisit berjumlah RM126.57 juta (2016: RM129.24 juta). Defisit tersebut menurun sejumlah RM2.67 juta berbanding tahun sebelumnya.
13.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	Tunggakan Cuti Belajar Jumlah tunggakan bagi tuntutan ganti rugi cuti belajar adalah berjumlah RM1.70 juta (2016: RM1.73 juta). Daripada amaun tersebut, sejumlah RM866,007 merupakan tunggakan hutang yang tiada pergerakan sepanjang tempoh 2 tahun.
14.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	Perbezaan Rekod Caruman Majikan dan Pekerja Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) mengkehendaki semua pekerja dalam perusahaan yang tertakluk pada Akta ini hendaklah diinsuranskan mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta ini. Pengauditan Penyata Kewangan yang dilaksanakan menunjukkan wujud perbezaan rekod caruman di antara majikan dan pekerja berjumlah RM184.17 juta pada 31 Disember 2017 dan itu ini merupakan isu berulang. Perbezaan rekod caruman adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti terimaan bayaran daripada majikan menerusi <i>Electronic Fund Transfer</i> (EFT) tidak disertakan dengan maklumat pembayar yang lengkap; bayaran caruman yang diterima daripada majikan tidak disertakan dengan Borang 8A; Cakera Padat (CD) mengandungi data pekerja yang diterima daripada majikan tidak boleh dibaca; dan sebahagian besar bayaran caruman yang diterima daripada Badan Kerajaan Persekutuan dan Negeri tidak mematuhi sepenuhnya prosedur bayaran caruman yang ditetapkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial seperti bayaran caruman yang diterima daripada majikan tidak disertakan dengan Borang 8A dan format

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTER</i>
		maklumat pekerja yang diterima tidak lengkap.
15.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	Usaha Berterusan Kedudukan semasa baki penghutang pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM2.66 bilion (2016: RM2.41 bilion). Daripada jumlah tersebut sejumlah RM863 juta atau 32% adalah tunggakan tahun 2010 dan tahun sebelumnya. Sehingga 31 Disember 2017, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran telah membuat peruntukan hutang rugu berjumlah RM100.67 juta (2016:RM84.11 juta).
16.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	Penghutang Pinjaman Termasuk dalam penghutang pinjaman PERHEBAT adalah amaun terhutang daripada TEKUN Nasional berjumlah RM24.35 juta. Berdasarkan surat pengesahan baki yang diterima daripada TEKUN Nasional, baki pada rekod TEKUN Nasional adalah berjumlah RM21.81 juta. Perbezaan baki rekod PERHEBAT dan TEKUN Nasional adalah sejumlah RM2.54 juta. Daripada perbezaan tersebut, sejumlah RM739,232 dapat diselaraskan dan selebihnya berjumlah RM1.80 juta tidak dapat diselaraskan sehingga tarikh laporan ini.
17.	Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)	Simpanan Tetap KWIE telah melaburkan dana sejumlah RM2.37 bilion dalam simpanan tetap di bank berlesen. Permohonan kelulusan telah dihantar kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Bagaimanapun, kelulusan bagi melabur sejumlah RM2.37 bilion tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan tertakluk Seksyen 44D Akta 501 - Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015.

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

4.7 Bagi tahun kewangan 2017, enam (6) penyata kewangan agensi telah diberikan Pendapat Berteguran seperti **Jadual 4.3**.

JADUAL 4.3 **PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN** **BAGI TAHUN KEWANGAN 2017**

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	<p>i. Cukai Bekalan dan Perkhidmatan (CBP)</p> <p>KEJORA pada tahun berakhir 31 Disember 2017 menuntut input bersih Cukai Bekalan dan Perkhidmatan (CBP) berjumlah RM6.81 juta. Bagaimanapun, sebagai pembekal bercampur (<i>mixed supplier</i>), KEJORA tidak membuat pembahagian input cukai (<i>apportionment</i>) yang sepatutnya dan menyebabkan input bersih CBP yang dituntut telah terlebih nyata. KEJORA belum mendapat maklum balas pengauditan pihak Kastam Diraja Malaysia berkaitan tuntutan CBP tersebut.</p> <p>ii. Penghutang Sewa Beli Perumahan dan Ruang Niaga</p> <p>Merujuk Nota 8 kepada Penyata Kewangan KEJORA, Penghutang Sewa Beli Perumahan / Ruang Niaga pada 31 Disember 2017 adalah RM2.97 juta di mana RM793,343 merangkumi penghutang jangka pendek/ semasa dan RM2.17 juta merangkumi penghutang bukan semasa. Semakan Audit mendapati kaedah pengelasan baki semasa/ bukan semasa adalah kurang sesuai menyebabkan persembahan baki semasa/ bukan semasa adalah tidak tepat.</p>
2.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Penghutang Sewa Beli Perumahan/Ruang Niaga KETENGAH telah merekodkan baki penghutang sewa beli perumahan/ruang niaga berjumlah RM11.33 juta yang terdiri daripada sewa beli perumahan/ruang niaga, iaitu aset bukan semasa berjumlah RM10.07 juta seperti di Nota 5 kepada Penyata Kewangan dan penghutang sewa beli rumah, iaitu aset semasa berjumlah RM1.26 juta seperti di Nota 13 kepada Penyata Kewangan. Baki penghutang sewa beli perumahan/ruang niaga di Penyata Kewangan berbeza dengan senarai penghutang individu sewa beli rumah berjumlah RM4.71 juta.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
3.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	<p>i. Pemutang Pelbagai</p> <p>Pemutang Pelbagai berjumlah RM1.62 juta tidak dapat disahkan ketepatannya kerana tiada senarai terperinci disertakan bagi menyokong dan mengawal baki Pemutang Pelbagai tersebut. Selain itu, tanggungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM3.06 juta tidak direkodkan dalam Penyata Kewangan LPNM. Sebahagian tanggungan ini berjumlah RM2.51 juta dibiayai oleh Geran Tertunda manakala baki selebihnya berjumlah RM554,837 dibiayai oleh Geran Mengurus dan sumber dalaman LPNM. Ini menyebabkan Lebih Pendapatan Selepas Cukai terlebih catat berjumlah RM3.06 juta.</p> <p>ii. Pelarasan di Kumpulan Wang Mengurus dan Geran Tertunda</p> <p>Pelarasan di Kumpulan Wang Mengurus dan Geran Tertunda berjumlah RM24.72 juta dibuat setelah mengambil kira baki Geran Tertunda berdasarkan rekod manual yang baru disediakan oleh pihak LPNM berbanding baki asal Geran Tertunda di Lejar Am. Pihak LPNM mendakwa jumlah pelarasan tersebut mewakili baki-baki geran yang tidak bersyarat dan tidak perlu dipulangkan semula kepada penyumbang yang berkaitan. Transaksi tersebut sukar untuk disahkan kerana tiada maklumat lengkap bagi baki-baki geran yang dilaraskan sebagai tambahan kepada Kumpulan Wang Mengurus. Pelarasan tersebut juga tidak dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah LPNM untuk penelitian lanjut bagi mendapatkan kelulusan dan pengesahan untuk diambil kira dengan sejawarnya dalam penyata kewangan. Selain itu, terimaan, perbelanjaan dan pelunasan geran juga tidak direkodkan dengan sempurna dan menyebabkan baki Geran Tertunda terkurang nyata di Penyata Kedudukan Kewangan berjumlah RM926,475 dan Lebih Pendapatan Selepas Cukai terlebih catat berjumlah RM1.06 juta.</p> <p>iii. Pelarasan di Kumpulan Wang Mengurus</p> <p>Selain daripada amaun pelarasan yang dinyatakan di Perkara 2 di atas, jumlah pelarasan di Kumpulan Wang Mengurus adalah selepas ditolak perbelanjaan tersalah laras pada Kumpulan Wang Mengurus berjumlah RM618,692 dan menyebabkan Lebih Pendapatan Selepas Cukai terlebih catat dengan jumlah RM618,092.</p> <p>iv. Hartanah, Loji dan Peralatan</p> <p>Susut nilai bagi kenderaan di Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM257,798 telah terkurang diambil kira di Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Prestasi Kewangan menyebabkan Lebih Pendapatan Selepas Cukai terlebih catat dengan jumlah yang sama.</p> <p>v. Penghutang Pelbagai – Faedah Simpanan Tetap Terakru</p> <p>Faedah Simpanan Tetap Terakru berjumlah RM244,722 terkurang diambil kira di Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Prestasi Kewangan menyebabkan Lebih Pendapatan Selepas Cukai terlebih catat dengan jumlah yang sama.</p> <p>vi. Wang di Bank</p> <p>Baki Wang di Bank terlebih nyata berjumlah RM82,081 di Penyata Kedudukan Kewangan. Kesilapan dalam menyatakan jumlah sebenar Wang di Bank menunjukkan kelemahan ketara pada kawalan dalaman dan penyediaan penyata kewangan LPNM.</p>
4.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	<p>Kos Lebuhraya yang Diserahkan tetapi Belum Diimbuh Balik oleh Kerajaan dan Akaun Akan Terima</p> <p>Baki akaun Kos Lebuhraya yang Diserahkan tetapi Belum Diimbuh Balik oleh Kerajaan berjumlah RM231.53 juta dan baki Akaun Akan Terima berjumlah RM41.70 juta tidak dapat disahkan kerana tidak menerima sebarang maklum balas terhadap pengesahan baki yang dibuat dan kebolehketupan (<i>recoverability</i>) jumlah tersebut adalah diragui.</p>
5.	Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN)	<p>i. Geran Pembangunan Dipindah ke Geran Mengurus Tanpa Kelulusan</p> <p>Berdasarkan surat Menteri Belia dan Sukan Malaysia bertarikh 19 Disember 2016 bernombor rujukan KBS.PM:MBS.600-1/2/12/2016, MSN telah diperuntukan sejumlah RM30.43 juta di bawah peruntukan pembangunan bagi Naik Taraf Prasarana Sukan SEA 2017. MSN telah merekodkan sejumlah RM24.18 juta sebagai Perbelanjaan Mengurus daripada keseluruhan peruntukan tersebut. Ia dilaksanakan hanya dengan kelulusan Ketua Pengarah menerusi memo bertarikh 29 November 2017 yang bersetuju untuk memindahkan Peruntukan Pembangunan ke Peruntukan Mengurus. Peruntukan yang dipindah disalurkan kepada beberapa</p>

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		<p>agensi untuk tujuan pembangunan aset agensi terbabit. Bagaimanapun, aset yang dinaik taraf ini menjadi milik agensi yang menerima peruntukan daripada MSN dan peruntukan tersebut telah direkodkan sebagai peruntukan pembangunan dalam akaun agensi tersebut.</p> <p>ii. Baki Liabiliti Semasa Sukan SEA 2017 Sejumlah RM148.67 juta Tidak Dapat Disahkan</p> <p>Baki Liabiliti Semasa Sukan SEA 2017 berjumlah RM148.69 juta tidak dapat disahkan ketepatannya dalam Penyata Kewangan MSN pada 31 Disember 2017. Surat Kementerian Kewangan bertarikh 11 April 2017 bernombor rujukan KK/BPB/(17.00)732/2-3JD.2.SK.11(7) yang dikeluarkan kepada MSN telah menetapkan bahawa semua perbelanjaan Sukan SEA 2017 hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan dan tarikh akhir bagi semua perbelanjaan dan tuntutan ditetapkan pada 30 November 2017. Semakan Audit mendapati, MSN telah membayar sejumlah RM85.64 juta pada bulan Disember tanpa kelulusan lanjutan masa pembayaran daripada Kementerian Kewangan. Selain itu, pegawai yang meluluskan pembayaran Sukan SEA adalah berbeza dengan pegawai yang dinyatakan dalam Peraturan Kewangan dan Akaun Kuala Lumpur 2017. Tandatangan pegawai yang menandatangani borang kelulusan pembayaran juga adalah berbeza walaupun pegawai yang sama menandatangani dokumen tersebut.</p> <p>iii. Jurnal Pelarasan Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia Tahun 2017 Tidak Dapat Diambil kira</p> <p>Pengauditan ke atas Penyata Kewangan MSN bagi tahun kewangan berakhir 2017 memerlukan pelarasan berjumlah RM8.63 juta. Bagaimanapun, pelarasan tersebut tidak dapat diambil kira dalam tahun kewangan yang sama disebabkan Ahli Lembaga Pengurus yang baru belum dilantik untuk mengesahkan penyata kewangan yang dipinda. Cadangan jurnal pelarasian berjumlah RM8.63 juta hanya akan diambil kira dalam Penyata Kewangan MSN tahun 2018.</p>
6.	Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	<p>Pinjaman</p> <p>Pinjaman berjumlah RM124.89 juta (2016: RM105.84 juta) diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi membayai tujuan-tujuan yang ditetapkan tidak termasuk pembayaran dividen. Analisis Audit terhadap Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 menunjukkan pembayaran dividen oleh PERNAMA kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang berjumlah RM35 juta (2016: RM20 juta) dibayai melalui pinjaman tersebut di mana tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan terdiri daripada fasiliti Overdraft.</p>

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

4.8 Bagi tahun kewangan 2017, satu (1) penyata kewangan agensi telah diberikan Pendapat Bertentangan seperti **Jadual 4.4**.

JADUAL 4.4 **PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT** **BERTENTANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017**

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTENTANGAN
1.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	<p>i. Hartanah, Loji dan Peralatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hartanah, Loji dan Peralatan tidak direkodkan pada nilai penilaian semula seperti yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada tahun 2015 berjumlah RM19.28 juta menyebabkan aset telah terkurang nyata sebanyak amaun tersebut. • Tanah dan bangunan tidak diakaunkan secara berasingan melibatkan nilai buku bersih bangunan berjumlah RM696,847. • Pembelian tanah dan bangunan di Kuching, Sarawak bernilai RM1.40 juta tidak direkodkan. • Peralatan dan bangunan di Mix Stage Hulu Kelang tidak diakaunkan secara berasingan melibatkan nilai buku bersih bangunan berjumlah RM18.15 juta. • Rosot nilai tidak diakaunkan bagi aset di Mix Stage Hulu Kelang yang tidak digunakan sejak 1 Januari 2016.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTENTANGAN
		<ul style="list-style-type: none"> ii. Work in Progress FINAS tidak mengiktiraf kos pembangunan sistem kewangan berjumlah RM359,469 sebagai Aset Tidak Ketara seperti mana ketetapan Perenggan 18.4, MPERS Seksyen 18 Aset Tidak Ketara Selain Muhibah. iii. Pendahuluan dan Penghutang Pinjaman Baki Pendahuluan dan Penghutang Pinjaman pada 31 Disember 2017 tidak dapat disahkan kerana FINAS tidak mengemukakan sebarang jadual sokongan bagi menjalankan kerja pengauditan. iv. Penghutang Sewaan Baki Penghutang Sewaan di penyata kewangan berbeza dengan laporan pengumuran penghutang berjumlah RM958,134. Baki Penghutang Sewaan berjumlah RM468,032 tidak dikutip sejak tahun berakhir 31 Disember 2016. v. Penghutang Pelbagai Baki Penghutang Pelbagai di penyata kewangan berbeza dengan laporan pengumuran penghutang berjumlah RM2.45 juta. Baki Penghutang Sewaan berjumlah RM2.78 juta tidak dikutip sejak tahun berakhir 31 Disember 2016. vi. Rosot Nilai Penghutang Rosot nilai tidak diakaunkan bagi penghutang sewaan dan penghutang pelbagai seperti ketetapan Perenggan 11.21, MPERS Seksyen 11 Instrumen Kewangan Asas. vii. Penyata Penyesuaian Bank FINAS tidak menyelaraskan transaksi belum disesuaikan lebih daripada tempoh enam (6) bulan berjumlah RM4.00 juta. viii. Deposit Filem FINAS tidak melaksanakan tindakan melucut hak deposit filem berjumlah RM8.64 juta seperti keperluan Perenggan 10 (1), Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981. ix. Geran Tertunda dan Dana Baki Geran Tertunda dan Dana berjumlah RM95.22 juta tidak dapat disahkan ketepatannya kerana pelunasan geran dan dana bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM112.52 juta tidak mengambil kira pelunasan berjumlah RM95.01 juta melibatkan perbelanjaan tahun 2017. x. Pemiutang dan Akruan Baki Pemiutang dan Akruan di penyata kewangan berbeza dengan laporan pengumuran pemiutang berjumlah RM29.37 juta. Sampel Pemiutang dan Akruan berjumlah RM23.11 juta tidak dibayar sejak tahun berakhir 31 Disember 2016. xi. Liabiliti yang Diiktiraf sebagai Pendapatan FINAS tidak merekodkan terimaan geran Kerajaan bersyarat sebagai liabiliti berjumlah RM2.94 juta seperti ketetapan Perenggan 24.4, MPERS Seksyen 24 Geran Kerajaan sebaliknya telah merekodkan terimaan tersebut sebagai pendapatan. xii. Perbelanjaan Tidak Diakru FINAS tidak mengakru sampel perbelanjaan tahun semasa berjumlah RM624,757 di dalam penyata kewangan. xiii. Perbelanjaan Cukai FINAS tidak mempersebahkan perbelanjaan cukai berjumlah RM751,962 secara berasingan seperti ketetapan Perenggan 5.5, MPERS Seksyen 5 Penyata Pendapatan Komprehensif. xiv. Komitmen Modal FINAS tidak mendedahkan sampel komitmen modal berjumlah RM703,445 seperti ketetapan Perenggan 32.10 dan 32.11, MPERS Seksyen 32 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan.

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

4.9 Bagi tahun kewangan 2017, satu (1) penyata kewangan agensi telah diberikan Penafian Pendapatan seperti **Jadual 4.5**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

JADUAL 4.5 PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENAFIAN PENDAPAT BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENAFIAN PENDAPAT
1.	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)	<p>i. Masalah Sistem Kewangan Sistem kewangan MIROS menghadapi masalah untuk menjana laporan yang tepat. MIROS merekodkan terimaan hasil bagi invois yang dibatalkan berjumlah RM26,878. Terdapat nombor invois dikeluarkan secara tidak berturutan; kesilapan pada carta akaun sistem kewangan SAGA berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) input serta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) output; perbezaan baki di Lejar Am dengan Lejar Subsidiari; serta perbezaan baki Buku Tunai dan Lejar Am di Penyata Penyesuaian Bank.</p> <p>ii. Terimaan Hasil Invois yang Dibatalkan MIROS merekodkan terimaan hasil bagi invois yang dibatalkan berjumlah RM26,878.</p> <p>iii. Pelarasian Jurnal yang Tidak Dapat Disahkan MIROS telah membuat pelarasian yang menyeluruh pada 31 Disember 2017 berjumlah RM6.15 juta melibatkan 209 jurnal pelarasian membuktikan kelemahan kawalan dalaman yang ketara. Termasuk dalam 209 jurnal pelarasian tersebut 184 pelarasian yang tidak dapat dikenal pasti dan disahkan ketepatannya berjumlah RM1.97 juta. Rekod kewangan dan perakaunan tidak disimpan dengan teratur menyebabkan semakan dan pengesahan terhadap aset, baki tunai dan bank serta jurnal pelarasian tidak dapat dilaksanakan. Selain itu, daftar aset tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta tiada semakan berkala ke atas laporan bulanan penyelesaian gaji.</p>

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

4.10 Analisis Audit terhadap Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan kepada agensi untuk penyata kewangan tahun 2015 hingga 2017 mendapati perkara berikut:

4.10.1 Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*

- a. Sebanyak empat (4) agensi, iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut manakala tiga (3) agensi, iaitu Lembaga Pembentukan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia (JURUKUR) dan Universiti Malaya (UM) telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* bagi tempoh dua (2) tahun berturut-turut.
- b. Antara faktor yang menyebabkan jenis pendapat ini diberikan adalah kerana agensi berkenaan mengalami aliran tunai/baki kumpulan wang defisit yang memberi kesan terhadap usaha berterusan (*going concern*) agensi dan ketidakpatuhan terhadap piawaian perakaunan yang tidak signifikan. Selain itu, prestasi syarikat subsidiari yang material menghadapi ketidakpastian berkaitan usaha berterusan (*going concern*)

turut menyumbang kepada Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*.

4.10.2 Pendapat Berteguran

- a. Sebanyak dua (2) agensi, iaitu Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) telah diberikan Pendapat Berteguran bagi tiga (3) tahun berturut-turut manakala Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) diberikan Pendapat Berteguran bagi dua (2) tahun berturut-turut. Selain itu, satu (1) agensi, iaitu Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) telah diberikan Pendapat Berteguran bagi penyata kewangan tahun 2017 berbanding Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* bagi tahun kewangan 2016.
- b. Antara faktor pendapat ini diberikan adalah kerana pengelasan item yang tidak tepat menyebabkan amaun terlebih/terkurang nyata, transaksi material yang tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan/rekod yang lengkap, pelarasian yang tidak diambil kira pada tahun semasa serta pindahan geran yang tiada kelulusan. Selain itu, pinjaman oleh MOF telah digunakan bagi membiayai dividen yang mana, tidak termasuk dalam senarai tujuan pinjaman yang ditetapkan turut menyebabkan Pendapat Berteguran dikeluarkan kepada agensi berkenaan.

4.10.3 Pendapat Bertentangan

- a. Terdapat satu (1) agensi, iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah diberikan Pendapat Bertentangan bagi tiga (3) tahun berturut-turut.
- b. Antara faktor yang menyebabkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) memperoleh Pendapat Bertentangan adalah kerana terdapat salah nyata yang material dan pervasif dalam penyata kewangan. Antaranya adalah seperti kegagalan merekodkan nilai harta tanah, loji dan peralatan menyebabkan aset terkurang nyata, baki penghutang /pembiutang yang berbeza dengan laporan pengumuran, pendahuluan/geran yang tidak dapat disahkan ketepatannya dan ketidakpatuhan terhadap MPERS bagi seksyen 5,11,18, 24 dan 32.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

4.10.4 Penafian Pendapat

- a. Semakan Audit selanjutnya mendapati satu (1) agensi, iaitu Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah diberikan Penafian Pendapat pada tahun 2017 berbanding pendapat tanpa teguran pada tahun 2015 dan 2016.
- b. Antara faktor yang menyebabkan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) memperoleh Penafian Pendapat adalah kerana sistem kewangan yang bermasalah untuk menjana laporan yang tepat; pelarasan yang tidak dapat dikenal pasti dan disahkan ketepatannya; rekod kewangan dan perakaunan tidak disimpan dengan teratur dan daftar aset tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

4.11 Ringkasan prestasi pendapat Laporan Ketua Audit Negara yang dilaporkan dalam perenggan 4.10 di atas adalah seperti **Jadual 4.6**.

JADUAL 4.6
PRESTASI PENDAPAT LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
BAGI TAHUN KEWANGAN 2015 HINGGA 2017

BIL.	AGENSI	JENIS PENDAPAT AUDIT		
		2015	2016	2017
EMPHASIS OF MATTER				
1.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	EOM	EOM	EOM
2.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	EOM	EOM	EOM
3.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	EOM	EOM	EOM
4.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	EOM	EOM	EOM
5.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	-*	EOM	EOM
6.	Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia (JURUKUR)	Tanpa Teguran	EOM	EOM
7.	Universiti Malaya (UM)	Tanpa Teguran	EOM	EOM
BERTEGURAN				
8.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
9.	Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
10.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Tanpa Teguran	Berteguran	Berteguran
11.	Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	Tanpa Teguran	EOM	Berteguran
BERTENTANGAN				
12.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	Bertentangan	Bertentangan	Bertentangan
PENAFIAN				
13.	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran	Penafian

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 hingga 2017

Nota * LPPSA ditubuhkan pada tahun 2016

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

5. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DI PARLIMEN

5.1 Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri dalam tempoh satu (1) bulan selepas menerima penyata kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudiannya dikehendaki membentangkan penyata tersebut di Parlimen dengan segera.

5.2 Setakat 30 September 2018, terdapat dua (2) agensi yang masih belum membentangkan penyata kewangan tahun sebelumnya walaupun Laporan Ketua Audit Negara telah dikeluarkan. Agensi tersebut adalah Agensi Inovasi Malaysia (AIM) bagi tahun kewangan 2011 dan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi (KWPDP) bagi tahun kewangan 2014 dan 2015. Maklum balas yang diterima menunjukkan AIM dan KWPDP telah mengemukakan Penyata Kewangan tersebut kepada Kementerian masing-masing. KWPDP telah mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2014 pada 9 Oktober 2015 dan Penyata Kewangan 2015 pada 14 Oktober 2016 manakala Agensi Inovasi Malaysia masih menunggu pengesahan daripada Jabatan Perdana Menteri berkaitan status pembentangan penyata kewangan AIM tahun 2011.

5.3 Selain itu, sebanyak dua (2) agensi masih belum membentangkan penyata kewangan tahun 2016 di Parlimen, iaitu LGM Properties Corporation (LGMPC) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Kedua-dua agensi ini juga telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2016 kepada Kementerian masing-masing, iaitu pada 25 Julai 2017 (LGMPC) dan 13 Mac 2018 (FINAS).

5.4 Bagi penyata kewangan tahun 2017 pula, hanya empat (4) penyata kewangan agensi yang diaudit dan dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Parlimen. Butiran adalah seperti **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017 YANG TELAH DIBENTANGKAN
DI PARLIMEN SETAKAT 30 SEPTEMBER 2018

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN	
		DEWAN RAKYAT	DEWAN NEGARA
1.	Bank Negara Malaysia (BNM)	02.04.2018	03.04.2018
2.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	03.04.2018	03.04.2018
3.	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	03.04.2018	03.04.2018
4.	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LABUAN FSA)	16.08.2018	29.08.2018

Sumber: Laman Sesawang Parlimen Malaysia pada 30 September 2018

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

6. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti serta liabiliti luar jangka bagi Badan Berkanun Persekutuan sahaja. Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan disedia berdasarkan kepada 114 daripada 135 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2017 yang memperoleh Pendapat Tanpa Teguran termasuk Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*. Baki sebanyak 21 Badan Berkanun Persekutuan tidak diambil kira prestasi kewangannya kerana 13 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan masih belum dimuktamadkan manakala lapan (8) penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan memperoleh Pendapat Berteguran, Bertentangan dan Penafian Pendapat.

6.1 Prestasi Kewangan Secara Menyeluruhan

6.1.1 Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilaporkan mengikut kementerian berdasarkan kepada analisis pendapatan yang meliputi geran mengurus, pelunasan geran pembangunan, terimaan geran pembangunan tahun semasa dan pendapatan lain; lebihan/kurangan tahun semasa dan terkumpul; analisis aset yang terdiri daripada pelaburan termasuk subsidiari (dalam dan luar negara), tunai dan kesetaraan tunai; dan liabiliti (semasa dan bukan semasa) yang merangkumi pinjaman, liabiliti lain serta liabiliti jangka panjang.

6.1.2 Perubahan angka perbandingan juga diambil kira berdasarkan pelarasan tahun lalu yang dibuat oleh Badan Berkanun Persekutuan berkaitan. Analisis Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian adalah seperti **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
BILANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN
BAGI TAHUN 2016 DAN 2017

BIL.	KEMENTERIAN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	
		2016	2017
1.	Pendidikan Tinggi	23	23
2.	Kewangan	13	13
3.	Jabatan Perdana Menteri	12	12
4.	Pengangkutan	12	13
5.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	8	8
6.	Pertanian dan Industri Asas Tani	8	8
7.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	7	7
8.	Belia dan Sukan	5	5
9.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	5	5
10.	Kerja Raya	5	5

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2


BIL.	KEMENTERIAN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	
		2016	2017
11.	Pertahanan	4	4
12.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	4	4
13.	Pelancongan dan Kebudayaan	4	4
14.	Wilayah Persekutuan	4	4
15.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	4	4
16.	Pendidikan Malaysia	3	3
17.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	3	3
18.	Komunikasi dan Multimedia	2	2
19.	Sumber Manusia	2	2
20.	Kesihatan Malaysia	2	2
21.	Sains, Teknologi dan Inovasi	1	2
22.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1	1
23.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1	1
JUMLAH		133	135

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.2 Analisis Pendapatan

6.2.1 Pendapatan terdiri daripada geran mengurus, pelunasan geran pembangunan dan pendapatan janaan sendiri oleh Badan Berkanun Persekutuan. Pada tahun 2017, pendapatan 114 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM124.362 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM18.818 bilion atau 17.8% berbanding RM105.544 bilion pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, pendapatan janaan sendiri adalah berjumlah RM100.785 bilion atau 81.1%, geran mengurus berjumlah RM16.952 bilion atau 13.6% dan pelunasan geran lain berjumlah RM6.625 bilion atau 5.3%. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.1**.

CARTA 6.1
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT
KATEGORI PADA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

6.2.2 Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM78.447 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM16.468 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM8.147 bilion, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM6.121 bilion dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM5.028 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mencatatkan pendapatan berjumlah RM10.151 bilion.

6.2.3 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan peningkatan pendapatan tertinggi pada tahun 2017 berbanding tahun 2016, iaitu berjumlah RM16.304 bilion yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan dalam pendapatan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM11.290 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi pula mencatatkan penurunan pendapatan tertinggi pada tahun 2017 berbanding tahun 2016, iaitu berjumlah RM1.023 bilion yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh penurunan dalam pendapatan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjumlah RM1.097 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.2**.

JADUAL 6.2
PENINGKATAN/(PENURUNAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN (BBP) MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016 DAN 2017

BIL.	KEMENTERIAN	BIL. BBP	2017	2016	PENINGKATAN /(PENURUNAN)	
			(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
1.	Kewangan	13	78.447	62.143	16.304	26.2
2.	Pendidikan Tinggi	22	16.468	17.412	(0.944)	(5.4)
3.	Jabatan Perdana Menteri	10	8.147	6.255	1.892	30.2
4.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	5	6.121	6.334	(0.213)	(3.4)
5.	Sumber Manusia	2	5.028	4.546	0.482	10.6
6.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1	2.581	1.822	0.759	41.7
7.	Pengangkutan	10	1.292	0.723	0.569	78.7
8.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	8	1.127	2.150	(1.023)	(47.6)
9.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	4	1.056	0.254	0.802	315.7
10.	Pertanian dan Industri Asas Tani	5	0.789	1.006	(0.217)	(21.6)
11.	Wilayah Persekutuan	3	0.727	0.637	0.090	14.1
12.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	5	0.672	0.625	0.047	7.5
13.	Pelancongan dan Kebudayaan	4	0.476	0.496	(0.020)	(4.0)
14.	Kerja Raya	4	0.460	0.345	0.115	33.3
15.	Pendidikan Malaysia	3	0.334	0.214	0.120	56.1

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	KEMENTERIAN	BIL. BBP	2017		2016		PENINGKATAN /(PENURUNAN)	
			(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)	(RM Bilion)	(%)
16.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	3	0.185	0.169	0.016	9.5		
17.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1	0.118	0.121	(0.003)	(2.5)		
18.	Komunikasi dan Multimedia Malaysia	1	0.099	0.094	0.005	5.3		
19.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	3	0.065	0.061	0.004	6.6		
20.	Belia dan Sukan	2	0.064	0.033	0.031	93.9		
21.	Pertahanan	2	0.056	0.057	(0.001)	(1.8)		
22.	Sains, Teknologi dan Inovasi	2	0.044	0.043	0.001	2.3		
23.	Kesihatan Malaysia	1	0.006	0.004	0.002	50.0		
JUMLAH		114	124.362	105.544	18.818	17.8		

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.2.4 Analisis Audit juga mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatatkan pendapatan tertinggi pada tahun 2017 berjumlah RM49.403 bilion, iaitu 39.7% daripada jumlah pendapatan yang dicatatkan oleh 114 Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) berjumlah RM10.249 bilion, Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM10.043 bilion dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjumlah RM4.954 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain pula mencatatkan pendapatan berjumlah RM49.713 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.3** dan **Carta 6.2**.


JADUAL 6.3
PENDAPATAN TERTINGGI MENGIKUT KATEGORI PENDAPATAN
BAGI 10 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	PENDAPATAN JANAAN SENDIRI (RM Bilion)	GERAN MENGURUS (RM Bilion)	PELUNASAN GERAN PEMBANGUNAN (RM Bilion)	JUMLAH (RM Bilion)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	49.403	-	-	49.403
2.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	10.249	-	-	10.249
3.	Bank Negara Malaysia (BNM)	10.043	-	-	10.043
4.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	4.954	-	-	4.954
5.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	4.571	-	0.001	4.572
6.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	0.410	3.574	0.479	4.463
7.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	2.695	1.224	-	3.919
8.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	1.301	1.722	0.187	3.210
9.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	1.099	1.957	-	3.056
10.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCOP)	0.624	0.093	1.863	2.580

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

**CARTA 6.2
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.2.5 Geran Mengurus

- a. Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan kepada Badan Berkanun Persekutuan sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membiayai gaji dan elaun pegawai Badan Berkanun Persekutuan serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran.
- b. Pada tahun 2017, geran mengurus yang diterima oleh 71 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 21 kementerian adalah berjumlah RM16.952 bilion, iaitu menurun sejumrah RM1.198 bilion atau 6.6% berbanding RM18.150 bilion pada tahun 2016. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi mencatatkan terimaan geran mengurus tertinggi berjumlah RM9.574 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM3.881 bilion, Kementerian Kewangan berjumlah RM1.259 bilion, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjumlah RM0.571 bilion dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan berjumlah RM0.434 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mencatatkan terimaan geran mengurus berjumlah RM1.233 bilion.
- c. Bagaimanapun, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi turut mencatatkan penurunan terimaan geran mengurus tertinggi pada tahun 2017 berbanding tahun 2016, iaitu berjumlah RM1.085 bilion. Sebahagian besar penurunan geran tersebut melibatkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) berjumlah RM0.776 bilion pada tahun 2017 berbanding 2016. Penurunan terimaan geran mengurus oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) juga merupakan penurunan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

tertinggi Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.4**.

JADUAL 6.4
PENINGKATAN/(PENURUNAN) GERAN MENGURUS MENGIKUT
KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	KEMENTERIAN	2017	2016	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
1.	Pendidikan Tinggi	9.574	10.659	(1.085)	(10.2)
2.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	3.881	4.058	(0.177)	(4.4)
3.	Kewangan	1.259	1.272	(0.013)	(1.0)
4.	Pertanian dan Industri Asas Tani	0.571	0.552	0.019	3.4
5.	Pelancongan dan Kebudayaan	0.434	0.446	(0.012)	(2.7)
6.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	0.374	0.364	0.010	2.7
7.	Jabatan Perdana Menteri	0.227	0.187	0.040	21.4
8.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	0.141	0.151	(0.010)	(6.6)
9.	Pendidikan Malaysia	0.110	0.070	0.040	57.1
10.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	0.093	0.077	0.016	20.8
11.	Kementerian Lain	0.288	0.314	(0.026)	(8.3)
JUMLAH		16.952	18.150	(1.198)	(6.6)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

d. Analisis Audit juga mendapati Majlis Amanah Rakyat (MARA) mencatatkan terimaan geran mengurus tertinggi pada tahun 2017 berjumlah RM3.575 bilion, iaitu 21.1% daripada jumlah geran mengurus yang diterima oleh 71 Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berjumlah RM1.957 bilion, Universiti Teknologi MARA (UiTM) berjumlah RM1.722 bilion dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) berjumlah RM1.224 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain pula mencatatkan terimaan geran mengurus berjumlah RM8.474 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.5** dan **Carta 6.3**.

JADUAL 6.5
TERIMAAN GERAN MENGURUS TERTINGGI BAGI 10 BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016


BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017	2016	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
1.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	3.575	3.770	(0.195)	(5.2)
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	1.957	1.881	0.076	4.0
3.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	1.722	2.498	(0.776)	(31.1)
4.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	1.224	1.228	(0.004)	(0.3)
5.	Universiti Sains Malaysia (USM)	0.835	0.852	(0.017)	(2.0)
6.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	0.814	0.946	(0.132)	(14.0)

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017	2016	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
7.	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	0.464	0.459	0.005	1.1
8.	Universiti Malaya (UM)	0.459	0.500	(0.041)	(8.2)
9.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	0.438	0.440	(0.002)	(0.5)
10.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	0.350	0.369	(0.019)	(5.1)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

CARTA 6.3
TERIMAAN GERAN MENGURUS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.2.6 Terimaan Geran Pembangunan

- a. Pada tahun 2017, geran pembangunan yang diterima oleh 53 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 15 kementerian adalah berjumlah RM7.310 bilion, iaitu menurun sejumlah RM1.643 bilion atau 18.4% berbanding RM8.953 bilion bagi 57 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 16 kementerian pada tahun 2016.
- b. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan mencatatkan terimaan geran pembangunan tertinggi berjumlah RM2.108 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berjumlah RM1.864 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM0.982 bilion dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM0.895 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mencatatkan terimaan geran pembangunan berjumlah RM1.461 bilion.
- c. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mencatatkan peningkatan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

terimaan geran pembangunan tertinggi pada tahun 2017 berbanding tahun 2016, iaitu berjumlah RM0.735 bilion melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP). Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan pula mencatatkan penurunan terimaan geran pembangunan tertinggi pada tahun 2017 berbanding tahun 2016, iaitu berjumlah RM0.762 bilion yang melibatkan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) berjumlah RM0.744 bilion pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.6**.

JADUAL 6.6
PENINGKATAN/(PENURUNAN) TERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	KEMENTERIAN	2017	2016	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
1.	Pengangkutan	2.108	1.674	0.434	25.9
2.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1.864	1.129	0.735	65.1
3.	Jabatan Perdana Menteri	0.982	1.469	(0.487)	(33.2)
4.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	0.895	0.794	0.101	12.7
5.	Pendidikan Tinggi	0.605	0.609	(0.004)	(0.7)
6.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	0.510	0.670	(0.160)	(23.9)
7.	Pertanian dan Industri Asas Tani	0.109	0.116	(0.007)	(6.0)
8.	Wilayah Persekutuan	0.078	0.056	0.022	39.3
9.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	0.073	0.321	(0.248)	(77.3)
10.	Kewangan	0.024	0.786	(0.762)	(96.9)
11.	Kementerian Lain	0.062	1.329	(1.267)	(95.3)
JUMLAH		7.310	8.953	(1.643)	(18.4)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- d. Analisis Audit juga mendapati Perbadanan Aset Keretapi (PAK) mencatatkan terimaan geran pembangunan tertinggi pada tahun 2017 berjumlah RM2.099 bilion, iaitu 28.7% daripada jumlah geran pembangunan yang diterima oleh 53 Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP) berjumlah RM1.864 bilion, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) berjumlah RM0.736 bilion dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) berjumlah RM0.425 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain pula mencatatkan terimaan geran pembangunan berjumlah RM2.186 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.7** dan **Carta 6.4**.


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

**JADUAL 6.7
TERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN TERTINGGI BAGI 10 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016**

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017	2016	PERBEZAAN	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
1.	Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	2.099	1.665	0.430	26.1
2.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCOP)	1.864	1.129	0.740	65.1
3.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	0.736	0.969	(0.230)	(24.0)
4.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	0.425	0.256	0.169	66.0
5.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	0.359	0.394	(0.040)	(8.9)
6.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	0.341	0.554	(0.210)	(38.4)
7.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	0.158	0.141	0.020	12.1
8.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	0.155	0.138	0.020	12.3
9.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	0.093	0.014	0.079	564.3
10.	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME CORP)	0.091	0.063	0.028	44.4

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

**CARTA 6.4
TERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.2.7 Pelunasan Geran Pembangunan

- a. Pada tahun 2017, geran pembangunan yang dilunaskan oleh 69 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 18 kementerian adalah berjumlah RM6.625 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM1.721 bilion atau 35.1%

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

berbanding RM4.904 bilion bagi 66 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 17 kementerian pada tahun 2016.

- b.** Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mencatatkan pelunasan geran pembangunan tertinggi berjumlah RM1.863 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM1.225 bilion, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM0.921 bilion, Kementerian Pengangkutan berjumlah RM0.790 bilion dan Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM0.710 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mencatatkan pelunasan geran pembangunan berjumlah RM1.116 bilion.

- c.** Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mencatatkan peningkatan pelunasan geran pembangunan tertinggi pada tahun 2017 berbanding tahun 2016, iaitu berjumlah RM0.734 bilion melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCOP). Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi pula mencatatkan penurunan pelunasan geran pembangunan tertinggi, iaitu berjumlah RM0.287 bilion yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh penurunan dalam pelunasan geran pembangunan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjumlah RM0.282 bilion pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.8.**

JADUAL 6.8
PENINGKATAN/(PENURUNAN) PELUNASAN GERAN PEMBANGUNAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	KEMENTERIAN	2017	2016	PENINGKATAN /(PENURUNAN)	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
1.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1.863	1.129	0.734	65.0
2.	Pendidikan Tinggi	1.225	1.154	0.071	6.2
3.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	0.921	1.085	(0.164)	(15.1)
4.	Pengangkutan	0.790	0.209	0.581	277.9
5.	Jabatan Perdana Menteri	0.710	0.602	0.108	17.9
6.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	0.575	(0.201)	0.776	(386.1)
7.	Kewangan	0.146	0.145	0.001	0.7
8.	Pertanian dan Industri Asas Tani	0.111	0.196	(0.085)	(43.4)
9.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	0.103	0.390	(0.287)	(73.6)
10.	Wilayah Persekutuan	0.086	0.109	(0.023)	(21.1)

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	KEMENTERIAN	2017	2016	PENINGKATAN /(PENURUNAN)	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
11.	Kementerian Lain	0.095	0.086	(0.009)	(10.5)
	JUMLAH	6.625	4.904	1.721	35.1

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017


d. Analisis Audit juga mendapati Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP) mencatatkan pelunasan geran pembangunan tertinggi pada tahun 2017 berjumlah RM1.863 bilion, iaitu 28.1% daripada jumlah geran pembangunan yang dilunaskan oleh 69 Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Perbadanan Aset Keretapi (PAK) berjumlah RM0.771 bilion, Majlis Amanah Rakyat (MARA) berjumlah RM0.479 bilion dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) berjumlah RM0.448 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain pula mencatatkan pelunasan geran pembangunan berjumlah RM3.064 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.9** dan **Carta 6.5**.

JADUAL 6.9
PELUNASAN GERAN PEMBANGUNAN TERTINGGI BAGI 10 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017	2016	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
1.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP)	1.863	1.129	0.734	65.0
2.	Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	0.771	0.199	0.572	287.4
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	0.479	0.551	(0.072)	(13.1)
4.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	0.448	0.387	0.061	15.8
5.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	0.431	0.455	(0.024)	(5.3)
6.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebum Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	0.359	0.394	(0.035)	(8.9)
7.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (IRDA)	0.202	0.151	0.051	33.8
8.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	0.187	0.186	0.001	0.5
9.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	0.169	0.031	0.138	445.2
10.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	0.141	0.075	0.066	88.0

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

CARTA 6.5
PELUNASAN GERAN PEMBANGUNAN BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.2.7 Pendapatan Janaan Sendiri

- a. Pendapatan janaan sendiri merupakan hasil yang diperoleh daripada aktiviti seperti pelaburan dalam syarikat subsidiari, ekuiti, sekuriti, bon, pengurus dana, simpanan tetap, pemberian pinjaman, yuran pengajian serta jualan produk dan perkhidmatan.
- b. Pada tahun 2017, pendapatan janaan sendiri bagi 114 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM100.785 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM18.295 bilion atau 22.2% berbanding RM82.490 bilion pada tahun 2016. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan pendapatan janaan sendiri tertinggi berjumlah RM77.042 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM7.210 bilion, Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM5.669 bilion, Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM5.022 bilion dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM1.319 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah lain-lain kementerian mencatatkan pendapatan janaan sendiri berjumlah RM4.523 bilion.
- c. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan peningkatan pendapatan janaan sendiri tertinggi pada tahun 2017 berbanding tahun 2016, iaitu berjumlah RM16.316 bilion yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan dalam pendapatan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM11.290 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

Perusahaan Perladangan dan Komoditi pula mencatatkan penurunan pendapatan janaan sendiri tertinggi pada tahun 2017 berbanding tahun 2016, iaitu berjumlah RM0.725 bilion yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh penurunan dalam pendapatan janaan sendiri oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjumlah RM0.816 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.10**.

JADUAL 6.10

**PENINGKATAN/(PENURUNAN) PENDAPATAN JANAAN SENDIRI
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016**

BIL.	KEMENTERIAN	2017	2016	PENINGKATAN /(PENURUNAN)	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
1.	Kewangan	77.042	60.726	16.316	26.9
2.	Jabatan Perdana Menteri	7.210	5.466	1.744	31.9
3.	Pendidikan Tinggi	5.669	5.599	0.070	1.3
4.	Sumber Manusia	5.022	4.541	0.481	10.6
5.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	1.319	1.190	0.129	10.8
6.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	0.884	1.609	(0.725)	(45.1)
7.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	0.640	0.572	0.068	11.9
8.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	0.624	0.616	0.008	1.3
9.	Wilayah Persekutuan	0.589	0.478	0.111	23.2
10.	Pengangkutan	0.472	0.454	0.018	4.0
11.	Kementerian Lain	1.314	1.239	0.075	6.1
	JUMLAH	100.785	82.490	18.295	22.2

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- d. Analisis Audit juga mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatatkan pendapatan janaan sendiri tertinggi pada tahun 2017 berjumlah RM49.403 bilion, iaitu 49.0% daripada jumlah pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) berjumlah RM10.249 bilion, Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM10.043 bilion dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjumlah RM4.954 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain pula mencatatkan pendapatan janaan sendiri berjumlah RM26.136 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.11** dan **Carta 6.6**.


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

**JADUAL 6.11
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI TERTINGGI BAGI 10 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016**

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017	2016	PERBEZAAN	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	49.403	38.113	11.290	29.6
2.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	10.249	7.641	2.608	34.1
3.	Bank Negara Malaysia (BNM)	10.043	9.024	1.019	11.3
4.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	4.954	4.475	0.479	10.7
5.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	4.585	3.481	1.104	31.7
6.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	2.695	2.030	0.665	32.8
7.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)	2.499	1.935	0.564	29.1
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	1.698	1.113	0.585	52.6
9.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	1.391	1.258	0.133	10.6
10.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	1.300	1.181	0.119	10.1

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

**CARTA 6.6
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.3 Analisis Lebihan/(Kurangan) Pendapatan

6.3.1 Lebihan/Kurangan pendapatan tahun semasa menunjukkan prestasi operasi sesebuah Badan Berkunun Persekutuan bagi sesuatu tahun. Lebihan/Kurangan terkumpul merupakan lebihan atau kurangan bagi setiap tahun kewangan yang terkumpul sejak tahun penubuhan sehingga pada tarikh akhir penyata kewangan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

6.3.2 Analisis Audit terhadap 114 Badan Berkanun Persekutuan bagi 23 kementerian mendapati sebanyak 75 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan lebihan pendapatan manakala 39 Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan kurangan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 2017. Setakat 31 Disember 2017, sebanyak 109 Badan Berkanun Persekutuan merekodkan lebihan terkumpul manakala bakinya, iaitu lima (5) Badan Berkanun Persekutuan mengalami kerugian terkumpul. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.12**.

JADUAL 6.12

LEBIHAN/KURANGAN TAHUN SEMASA DAN TERKUMPUL BAGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN (BBP) MENGIKUT KEMENTERIAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2017

BIL.	KEMENTERIAN	BIL. BBP	TAHUN SEMASA		TERKUMPUL SEHINGGA 31 DISEMBER 2017	
			LEBIHAN	KURANGAN	LEBIHAN	KURANGAN
1.	Jabatan Perdana Menteri	10	6	4	10	-
2.	Kewangan	13	13	-	13	-
3.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	8	4	4	8	-
4.	Pertanian dan Industri Asas Tani	5	4	1	5	-
5.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	5	3	2	5	-
6.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	3	3	-	3	-
7.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	4	2	2	4	-
8.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	5	3	2	5	-
9.	Kerja Raya	4	3	1	4	-
10.	Pengangkutan	10	10	-	9	1
11.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	3	3	-	3	-
12.	Sains, Teknologi dan Inovasi	2	1	1	2	-
13.	Pelancongan dan Kebudayaan	4	1	3	3	1
14.	Wilayah Persekutuan	3	1	2	3	-
15.	Pendidikan Tinggi	22	9	13	21	1
16.	Pendidikan	3	3	-	3	-
17.	Kesihatan	1	-	1	1	-
18.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1	1	0	1	-
19.	Belia Dan Sukan	2	1	1	1	1
20.	Sumber Manusia	2	2	-	2	-
21.	Komunikasi dan Multimedia	1	-	1	1	-
22.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1	1	-	1	-
23.	Pertahanan	2	1	1	1	1
JUMLAH		114	75	39	109	5

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.3.3 Analisis Lebihan/Kurangan Pendapatan Tahun Semasa

- a. Perbadanan Aset Keretapi (PAK) mencatatkan peningkatan dalam lebihan pendapatan tertinggi sejumlah RM508.46 juta pada tahun 2017. Peningkatan dalam lebihan pendapatan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berjumlah RM29.13 juta atau 598% adalah disebabkan penurunan dalam perbelanjaan bantuan lain bernilai RM5.29 juta berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM37.02 juta. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Perbadanan Perusahaan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

Kecil dan Sederhana Malaysia (SME CORP) masing-masing mencatatkan peningkatan lebihan pendapatan sehingga 318% pada tahun 2017. Pengurangan perbelanjaan berkaitan program pembangunan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) daripada RM33.68 juta pada tahun 2016 kepada RM8.00 juta pada tahun 2017 merupakan penyumbang utama kepada peningkatan dalam lebihan pendapatannya. Peningkatan lebihan pendapatan oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME CORP) pula disebabkan oleh kesan pernyataan semula angka perbandingan penyata kewangan tahun 2016 berkaitan pelunasan geran pembangunan selaras dengan pemakaian piawaian perakaunan MPSAS.

- b.** Analisis Audit terhadap 114 agensi mendapati sebanyak 75 Badan Berkanun Persekutuan telah mencatatkan peningkatan dalam lebihan pendapatan. Butiran mengenai lima (5) Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan lebihan pendapatan tertinggi dalam tahun semasa adalah seperti **Jadual 6.13**.

JADUAL 6.13
LEBIHAN PENDAPATAN TAHUN SEMASA TERTINGGI BAGI 5 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017	2016	PENINGKATAN	
		RM Juta	RM Juta	RM Juta	(%)
1.	Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	502.51	(5.95)	508.46	8540
2.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	24.25	(4.87)	29.12	598
3.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	11.50	(5.26)	16.76	318
4.	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME CORP)	8.84	(4.06)	12.90	318
5.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP)	492.88	(321.43)	814.31	253

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- c.** Analisis Audit terhadap 39 Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan kurangan pendapatan dalam tahun semasa menunjukkan dua (2) Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan peningkatan dalam kurangan pendapatan yang melebihi 1000%, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) disebabkan oleh penurunan dalam pendapatan berbanding tahun sebelumnya. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) mencatatkan peningkatan dalam kurangan pendapatan berikutan peningkatan dalam peruntukan cukai tahun semasa berjumlah RM9.68 juta berbanding RM7,099 pada tahun 2016. Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM269.18 juta berbanding lebihan pendapatan pada tahun 2016 sejumlah RM127.76 juta disebabkan oleh penurunan geran mengurus dan hasil kutipan daripada pelajar. Pada tahun 2017,

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM10.55 juta berbanding lebihan pendapatan berjumlah RM5.35 juta pada tahun 2016 disebabkan penurunan dalam pendapatan berjumlah RM19.11 juta. Butiran lanjut bagi lima (5) Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan kurangan pendapatan tahun semasa yang tertinggi adalah seperti **Jadual 6.14**.

JADUAL 6.14
KURANGAN PENDAPATAN TAHUN SEMASA TERTINGGI BAGI 5 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017	2016	PERBEZAAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	(103.80)	7.90	111.70	1414
2.	Maktab Koperasi Malaysia (MKM)	(1.59)	126.51	128.10	101
3.	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	(7.23)	1.03	8.26	802
4.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	(269.18)	127.76	396.94	311
5.	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	(10.55)	5.35	15.90	297

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.3.4 Analisis Lebihan/Kurangan Terkumpul

- a. Analisis Audit terhadap 109 Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan lebihan terkumpul menunjukkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) mencatatkan lebihan terkumpul yang tertinggi berjumlah RM61.680 bilion, diikuti oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjumlah RM25.809 bilion dan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan jumlah RM14.744 bilion. Butiran lanjut bagi lima (5) Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai lebihan terkumpul tertinggi setakat 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 6.15**.

JADUAL 6.15
LEBIHAN TERKUMPUL TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SETAKAT 31 DISEMBER 2017

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017	2016
		(RM Bilion)	(RM Bilion)
1.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	61.680	52.888
2.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	25.809	24.714
3.	Bank Negara Malaysia (BNM)	14.744	14.666
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	14.091	14.643
5.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	8.983	8.900

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- b. Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) merupakan agensi yang mencatatkan peningkatan dalam kurangan terkumpul disebabkan prestasi kewangan yang menurun untuk tempoh dua (2) tahun berturut. Selain itu, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) telah mencatatkan penurunan dalam kurangan terkumpul kerana lebihan pendapatan yang

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

diperoleh pada tahun semasa telah menurunkan kurangan terkumpul agensi berkenaan. Butiran lanjut bagi lima (5) Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan kurangan terkumpul setakat 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 6.16**.

JADUAL 6.16

KURANGAN TERKUMPUL TERTINGGI BAGI 5 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SETAKAT 31 DISEMBER 2017

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017	2016	PERBEZAAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	(137.53)	(114.22)	(23.32)	20
2.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	(58.71)	(31.34)	(27.37)	87
3.	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)	(24.72)	(14.81)	9.91	67
4.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	(17.45)	(81.74)	64.79	(79)
5.	Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)	(7.89)	(9.5)	(1.61)	(17)

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.4 Analisis Aset

6.4.1 Aset Badan Berkanun Persekutuan merupakan aset semasa dan bukan semasa yang terdiri daripada aset pelaburan termasuk syarikat subsidiari, aset lain serta tunai dan kesetaraan tunai. Pada tahun 2017, nilai aset bagi 114 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM1,822.001 bilion mencatatkan peningkatan sejumlah RM101.890 bilion atau 5.9% berbanding RM1,720.111 bilion pada tahun 2016.

6.4.2 Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan nilai aset tertinggi berjumlah RM1,501.744 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM99.632 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM97.480 bilion, Kementerian Pengangkutan berjumlah RM41.288 bilion dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM31.713 billion. Nilai aset bagi lain-lain kementerian secara keseluruhannya adalah berjumlah RM50.144 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.17**.

JADUAL 6.17

PENINGKATAN DAN PENURUNAN NILAI ASET BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	KEMENTERIAN	2017	2017	2016	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
		BIL. BBP	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
1.	Kewangan	13	1,501.744	1,406.439	95.305	6.8
2.	Pendidikan Tinggi	22	99.632	100.785	(1.153)	(1.1)
3.	Jabatan Perdana Menteri	10	97.480	94.950	2.530	2.7

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2


BIL.	KEMENTERIAN	2017 BIL. BBP	2017	2016	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
4.	Pengangkutan	10	41.288	39.245	2.043	5.2
5.	Sumber Manusia	2	31.713	29.949	1.764	5.9
6.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	5	24.310	24.332	(0.022)	(0.1)
7.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	8	5.740	5.797	(0.057)	(1.0)
8.	Wilayah Persekutuan	3	4.519	4.477	0.042	1.0
9.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	3	3.363	2.973	0.390	13.1
10.	Pertanian dan Industri Asas Tani	5	1.897	2.212	(0.315)	(14.2)
11.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	4	1.807	1.955	(0.148)	(7.6)
12.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	5	1.585	1.360	0.225	16.5
13.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	3	1.584	1.359	0.225	16.5
14.	Pendidikan Malaysia	3	1.364	0.843	0.521	61.8
15.	Kerja Raya	4	1.085	0.965	0.120	12.4
16.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1	0.895	0.836	0.059	7.1
17.	Pelancongan dan Kebudayaan	4	0.805	0.664	0.141	21.2
18.	Pertahanan	2	0.524	0.303	0.221	72.9
19.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1	0.235	0.209	0.026	12.4
20.	Komunikasi dan Multimedia	1	0.183	0.165	0.018	10.9
21.	Belia dan Sukan	2	0.168	0.187	(0.019)	(10.2)
22.	Sains, Teknologi dan Inovasi	2	0.074	0.099	(0.025)	(25.3)
23.	Kesihatan	1	0.006	0.007	(0.001)	(14.3)
JUMLAH		114	1,822.001	1,720.111	101.890	5.9

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.4.3 Daripada keseluruhan nilai aset tersebut, sejumlah RM1,464.390 bilion atau 80.4% adalah terdiri daripada aset pelaburan, diikuti dengan aset lain berjumlah RM269.160 bilion atau 14.8% manakala tunai dan kesetaraan tunai adalah berjumlah RM88.451 bilion atau 4.8%. Butiran lanjut adalah seperti di **Carta 6.7**. Perincian jenis aset mengikut Kementerian adalah seperti di **Jadual 6.18** manakala perincian jenis aset bagi 10 Badan Berkanun Persekutuan yang tertinggi adalah seperti di **Jadual 6.19**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

CARTA 6.7
NILAI ASET UTAMA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KATEGORI PADA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

JADUAL 6.18
JENIS ASET MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017

BIL.	KEMENTERIAN	ASET PELABURAN	ASET LAIN	TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	JUMLAH ASET
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)
1.	Kewangan	1,366.522	100.376	34.846	1,501.744
2.	Pendidikan Tinggi	2.236	76.672	20.723	99.631
3.	Jabatan Perdana Menteri	66.384	17.608	13.488	97.48
BIL.	KEMENTERIAN	ASET PELABURAN	ASET LAIN	TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	JUMLAH ASET
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)
4.	Pengangkutan	1.163	38.888	1.237	41.288
5.	Sumber Manusia	23.697	4.157	3.859	31.713
6.	Lain-lain	4.388	31.459	14.298	50.145
JUMLAH		1,464.390	269.160	88.451	1,822.001

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

JADUAL 6.19
JENIS ASET BAGI 10 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN TERTINGGI PADA TAHUN 2017

BIL.	AGENSI	ASET PELABURAN	ASET LAIN	TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	JUMLAH
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	791.476	2.876	19.073	813.425
2.	Bank Negara Malaysia (BNM)	430.818	12.127	6.902	449.847
3.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	134.524	3.242	4.561	142.327
4.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	56.843	2.248	11.226	70.317
5.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	-	55.923	3.323	59.246
6.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	-	40.629	11.177	51.806

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	AGENSI	ASET PELABURAN (RM Bilion)	ASET LAIN (RM Bilion)	TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (RM Bilion)	JUMLAH (RM Bilion)
7.	Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	-	34.575	0.528	35.103
8.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	5.768	22.921	0.578	29.267
9.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	23.386	1.487	3.190	28.063
10.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	8.737	11.983	0.242	20.962

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.4.4 Aset Pelaburan

- a. Aset Pelaburan terdiri daripada aset kewangan (pelaburan dalam ekuiti tersiar harga, ekuiti tidak tersiar harga, sekuriti, bon dan sukuk) syarikat subsidiari, bersekutu dan usaha sama, harta tanah pelaburan, pelbagai pelaburan lain seperti pinjaman diberi termasuk kepada syarikat subsidiari, pelaburan dalam portfolio pengurus dana, pasaran wang dan deposit dalam institusi kewangan bagi tempoh jangka panjang melebihi 12 bulan.
- b. Analisis Audit mendapati sebanyak 78 daripada 114 Badan Berkanun Persekutuan telah memperoleh aset pelaburan. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) merupakan tiga (3) Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan aset pelaburan yang tertinggi berjumlah RM1,356.818 bilion meliputi 92.6% daripada keseluruhan aset pelaburan berjumlah RM1,464.390 bilion. Berdasarkan semakan terhadap 10 Badan Berkanun Persekutuan yang merekodkan aset pelaburan tertinggi, tujuh (7) Badan Berkanun Persekutuan telah merekodkan peningkatan aset pelaburan pada tahun 2017 antara 1.7% hingga 15.1% berbanding tahun 2016. Selain itu, tiga (3) Badan Berkanun Persekutuan telah mencatatkan penurunan dalam aset pelaburan, iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) masing-masing pada kadar 30.3%, 16% dan 12.8%. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 6.20**.

JADUAL 6.20
PENINGKATAN / (PENURUNAN) NILAI ASET PELABURAN BAGI 10 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	AGENSI	2017	2016	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	791.476	731.112	60.364	8.3
2.	Bank Negara Malaysia (BNM)	430.818	408.947	21.871	5.3

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	AGENSI	2017 (RM Bilion)	2016 (RM Bilion)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
				(RM Bilion)	(%)
3.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	134.524	119.786	14.738	12.3
4.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	56.843	51.891	4.952	9.5
5.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	23.386	20.319	3.067	15.1
6.	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	3.499	3.052	0.447	14.6
7.	Universiti Malaya (UM)	0.937	0.921	0.016	1.7
PENURUNAN					
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	8.737	12.544	(3.807)	(30.3)
9.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	5.768	6.615	(0.847)	(12.8)
10.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	1.366	1.626	(0.260)	(16.0)

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- c. Analisis Audit mendapati aset pelaburan terdiri daripada aset pelaburan di dalam negara berjumlah RM814.814 bilion atau 55.6% dan aset pelaburan di luar negara berjumlah RM649.576 bilion. Aset pelaburan luar negara merupakan pelaburan dalam aset kewangan seperti ekuiti tersiar harga, sekuriti/bon dan pelaburan dalam syarikat subsidiari.
- d. Daripada 78 Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh aset pelaburan, hanya enam (6) Badan Berkanun Persekutuan telah membuat pelaburan di luar negara selain daripada pelaburan dalam negara, iaitu Bank Negara Malaysia (BNM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Lembaga Tabung Haji (LTH), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Kesemua Badan Berkanun Persekutuan berkenaan telah mencatatkan peningkatan dalam pelaburan luar negara kecuali Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah mencatatkan pengurangan yang ketara disebabkan oleh penjualan saham tersiar harga di luar negara manakala Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) tidak mencatatkan sebarang pertambahan ataupun pengurangan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.21**.

JADUAL 6.21
PENINGKATAN / (PENURUNAN) NILAI PELABURAN DI LUAR NEGARA
BAGI 6 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	AGENSI	2017 (RM Bilion)	2016 (RM Bilion)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
				(RM Bilion)	(%)
1.	Bank Negara Malaysia (BNM)	408.080	392.552	15.528	4.0
2.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	219.025	178.927	40.098	22.4
3.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	15.784	14.176	1.608	11.3

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	AGENSI	2017		2016		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)		
4.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	6.677	5.380	1.297	24.1		
5.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	0.007	0.007	-	-		
6.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	0.001	0.426	(0.425)	(99.8)		

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

e. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

- i. Pada tahun 2017, nilai pelaburan bersih dalam syarikat subsidiari oleh 53 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 15 kementerian adalah berjumlah RM33.634 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM2.887 bilion atau 9.4% berbanding RM30.747 bilion pada tahun 2016. Perbezaan ini disumbangkan oleh penubuhan 21 buah syarikat baru pada tahun 2017 menjadi 224 buah syarikat berbanding 203 buah syarikat pada tahun 2016.
- ii. Analisis Audit mendapati pelaburan dalam negara pada tahun 2017 adalah berjumlah RM16.470 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM3.329 bilion atau 25.3% berbanding RM13.141 bilion pada tahun 2016. Pelaburan luar negara pula berjumlah RM17.164 bilion, iaitu menurun sejumlah RM0.442 bilion atau 2.5% berbanding RM17.606 bilion pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.22**.

JADUAL 6.22
NILAI PELABURAN BERSIH DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI MENGIKUT LOKASI

LOKASI	2017		2016		PENINGKATAN/(PENURUNAN)		
	BIL. SYARIKAT	(RM Bilion)	BIL. SYARIKAT	(RM Bilion)	BIL. SYARIKAT	(RM Bilion)	(%)
Dalam Negara	178	16,470.20	169	13,141.11	9	3,329.09	25.3
Luar Negara	46	17,163.80	34	17,606.27	12	(442.47)	(2.5)
JUMLAH	224	33,634.00	203	30,747.38	21	2,888.62	

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- iii. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan pelaburan dalam syarikat subsidiari tertinggi berjumlah RM24.883 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM7.400 bilion, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM0.986 bilion, Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM0.283 bilion dan Kementerian Kerja Raya berjumlah RM0.024 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mencatat pelaburan berjumlah RM0.058 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.23**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

JADUAL 6.23 NILAI PELABURAN BERSIH TERTINGGI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI OLEH LIMA (5) KEMENTERIAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2016 DAN 2017

KEMENTERIAN	TAHUN DAN LOKASI						PERBEZAAN [C=A-B]			
	2017		2016		(RM Juta)	%				
	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	JUMLAH [A]	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	JUMLAH [B]				
(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	%		
Kewangan	7,726.40	17,156.53	24,882.93	5,851.09	17,443.87	23,294.96	1,587.97	6.8		
Jabatan Perdana Menteri	7,400.09	-	7,400.09	6,063.59	155.13	6,218.72	1,181.38	19.0		
Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	986.42	-	986.42	953.60	-	953.60	32.82	3.4		
Pendidikan Tinggi	283.08	-	283.08	198.98	-	198.98	84.10	42.3		
Kerja Raya	23.51	-	23.51	23.51	-	23.51	0	0.0		
Lain-Lain	50.70	7.27	57.97	50.35	7.27	57.61	0.35	0.6		
JUMLAH	16,470.20	17,163.80	33,634.00	13,141.12	17,606.27	30,747.38	2,886.62			

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

iv. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Dalam Negara

- Lembaga Tabung Haji (LTH) mencatat pelaburan dalam syarikat subsidiari dalam negara tertinggi dengan nilai pelaburan bersih RM6.903 bilion. Ini diikuti oleh Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM4.579 bilion, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM2.033 bilion dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) berjumlah RM1.046 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain mencatat pelaburan berjumlah RM1.909 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.24**.

JADUAL 6.24 NILAI BERSIH PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (DALAM NEGARA) BAGI TAHUN 2016 DAN 2017

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TAHUN KEWANGAN				CATATAN
	2017 [A]	2016 [B]	PERBEZAAN [C=A-B]		
	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(RM Bilion)	(%)	
Lembaga Tabung Haji (LTH)	6.903	5.566	1.337	24.0	Peningkatan kos pelaburan dalam BIMB Holdings Berhad berjumlah RM780.40 juta, suntikan modal tambahan dalam Deru Semangat Sdn. Bhd. berjumlah RM18.47 juta serta suntikan modal dan perubahan pinjaman kepada modal dalam syarikat TH Properties Sdn. Bhd. berjumlah RM536.90 juta.
Bank Negara Malaysia (BNM)	4.579	4.607	(0.028)	-0.6	Penurunan disebabkan oleh pegangan saham dalam syarikat Payment Network Malaysia Sdn. Bhd. telah dikurangkan kepada 37% daripada 100% pada tahun 2016. Ini menyebabkan iaanya diklasifikasi sebagai pelaburan dalam syarikat bersekutu pada tahun 2017.
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	2.033	1.177	0.856	72.7	Peningkatan dalam pelaburan baru dalam syarikat subsidiari Yarra Development (Australia) Sdn. Bhd. berjumlah RM507.37 juta.
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	1.046	0.00	1.046	100	Peningkatan ketara disebabkan penubuhan syarikat Harta Integra Berkat Sdn. Bhd. pada tahun 2016.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TAHUN KEWANGAN				CATATAN	
	2017 [A] (RM Bilion)	2016 [B] (RM Bilion)	PERBEZAAN [C=A-B]			
	(%)	(RM Bilion)	(%)	(%)		
*(KWAP)					Akaun telah disediakan dan disatukan pada tahun kewangan 2017.	
49 Badan Berkanun Persekutuan Lain	1.909	1.791	0.118	6.6		
JUMLAH KESELURUHAN	16.470	13.141	3.329			

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

Nota *: Syarikat Subsidiari ditubuhkan dengan kos pelaburan RM2.00 pada tahun 2016

- Analisis Audit terhadap pendapatan pelaburan dalam syarikat subsidiari dalam negara menunjukkan peningkatan sejumlah RM150.53 juta kepada RM561.76 juta daripada pendapatan yang diterima pada tahun 2016 berjumlah RM412.35 juta. Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan pendapatan yang tertinggi pada tahun 2017 adalah Lembaga Tabung Haji (LTH) berjumlah RM322.11 juta. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM203.37 juta, Majlis Amanah Rakyat (MARA) berjumlah RM8.77 juta, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) berjumlah RM7.43 juta dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berjumlah RM6.85 juta. Badan Berkanun Persekutuan lain mencatat pendapatan daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari berjumlah RM13.23 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.25**.

JADUAL 6.25 **PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (DALAM NEGARA)** **BAGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENCATAT** **PENDAPATAN TERTINGGI PADA TAHUN 2016 DAN 2017**

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TAHUN KEWANGAN			
	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERBEZAAN	
			(RM Juta)	(%)
Lembaga Tabung Haji (LTH)	322.11	187.84	134.27	71.5
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	203.37	196.34	7.03	3.6
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	8.77	8.58	0.19	2.2
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	7.43	6.45	0.98	15.3
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	6.85	5.73	1.12	19.5
Lain-Lain	13.23	6.29	6.94	110.3
JUMLAH KESELURUHAN	561.76	411.23	150.53	

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016 dan 2017

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

v. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Luar Negara

- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatat pelaburan dalam syarikat subsidiari luar negara tertinggi dengan nilai pelaburan bersih RM15.596 bilion. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) berjumlah RM1.561 bilion dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjumlah RM0.007 bilion. Lembaga Tabung Haji (LTH) telah melupuskan kesemua pelaburan luar negara pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 dengan nilai pelaburan berjumlah RM0.155 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.26**.

JADUAL 6.26
NILAI BERSIH PELABURAN TERTINGGI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI LUAR NEGARA
OLEH LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TAHUN KEWANGAN				CATATAN
	2017 (RM Bilion)	2016 (RM Bilion)	PERBEZAAN (RM Bilion)	(%)	
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	15.596	15.102	0.494	3.3	Peningkatan adalah disebabkan pada tahun 2017, KWSP telah membuat suntikan modal sejumlah RM1,660.19 juta kepada enam (6) subsidiari milik KWSP bagi tujuan pelaburan dana persendirian di luar negara berdasarkan kepada komitmen modal yang telah diluluskan. Suntikan modal juga telah dibuat berjumlah RM9.91 juta dalam Kwasa Europe S.a.r.l. bagi tujuan pelaburan di Eropah.
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	1.561	2.342	(0.781)	(33.3)	Penurunan disebabkan oleh penjualan bangunan pejabat komersil 20 Bridge Street pada kadar jualan AUD335 juta. Faktor lain penurunan adalah pertukaran ekuiti kepada pinjaman bagi 4 pelaburan harta tanah di Australia.
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	0.007	0.007	0.000	0.0	Pelaburan dalam syarikat PORTSIM yang didaftarkan di China berjumlah RM7.27 juta.
Lembaga Tabung Haji (LTH)	0.000	0.155	(0.155)	(100.0)	Penurunan disebabkan oleh syarikat TH Trust telah membuat bayaran balik modal saham kepada Lembaga Tabung Haji sejumlah RM155.13 juta.
JUMLAH KESELURUHAN	17.164	17.606	(0.442)		

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016 dan 2017

- Analisis Audit terhadap pendapatan pelaburan dalam syarikat subsidiari luar negara menunjukkan peningkatan sejumlah RM1,110.85 juta menjadi RM2,061.13 juta berbanding RM950.28 juta yang diterima pada tahun 2016. Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan pendapatan tertinggi pada tahun 2017 adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM1,514.32 juta. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) berjumlah RM432.35 juta dan Lembaga Tabung Haji (LTH) berjumlah RM114.46 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.27**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

JADUAL 6.27

PENDAPATAN TERTINGGI OLEH TIGA (3) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DALAM PELABURAN SYARIKAT SUBSIDIARI LUAR NEGARA BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TAHUN KEWANGAN			
	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERBEZAAN	
			(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	1,514.32	466.16	1,048.16	224.8
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	432.35	442.78	(10.43)	(2.4)
Lembaga Tabung Haji (LTH)	114.46	41.34	73.12	176.9
JUMLAH KESELURUHAN	2,061.13	950.28	1,110.85	

6.4.5 Aset Lain

- a. Aset lain terdiri daripada harta tanah, loji dan peralatan, penghutang, perbelanjaan pembangunan ladang, kerja dalam kemajuan, pinjaman kepada kakitangan dan pelbagai aset lain seperti cukai, stok dan inventori.
- b. Analisis Audit mendapati Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Perbadanan Aset Kereta Api (PAK), Bank Simpanan Nasional (BSN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Bank Negara Malaysia (BNM) mencatatkan nilai aset lain yang tinggi. Sebahagian besarnya terdiri daripada pelbagai jenis pinjaman yang diberi selaras dengan fungsi dan peranan Badan Berkanun Persekutuan berkenaan seperti pinjaman perumahan, pinjaman pendidikan, pinjaman kepada usahawan, pinjaman kepada peneroka dan pinjaman kepada institusi kewangan bagi pelbagai program keusahawanan dan perniagaan. Selain itu, harta tanah, loji dan peralatan juga merupakan komponen lain yang besar bagi Perbadanan Aset Keretapi (PAK), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Senarai 10 Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan aset lain tertinggi adalah seperti **Jadual 6.28**.

JADUAL 6.28

PENINGKATAN DAN PENURUNAN NILAI ASET LAIN TERTINGGI BAGI 10 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	AGENSI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
				(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	55.923	48.542	7.381	15.2
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	40.629	40.969	(0.340)	(0.8)
3.	Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	34.575	32.448	2.127	6.6
4.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	22.921	22.358	0.563	2.5

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	AGENSI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
				(RM Juta)	(%)
5.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	17.869	18.031	(0.162)	(0.9)
6.	Bank Negara Malaysia (BNM)	12.127	10.169	1.958	19.3
7.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	11.983	11.780	0.203	1.7
8.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	8.352	8.347	0.005	0.1
9.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	6.909	8.500	(1.591)	(18.7)
10.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	5.617	5.590	0.027	0.5


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.4.6 Tunai dan Kesetaraan Tunai

- a. Tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai di tangan, deposit jangka pendek dan pelaburan jangka pendek yang berkecairan tinggi dan sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui serta tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Analisis Audit mendapati 114 agensi memperoleh tunai dan kesetaraan tunai secara keseluruhannya berjumlah RM88.45 bilion menurun sejumlah RM10.91 bilion atau 10.9% berbanding RM99.36 bilion pada tahun 2016. Semakan Audit mendapati keseluruhan tunai dan kesetaraan tunai telah didepositkan di institusi kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan selaras dengan Senarai Institusi Kewangan Diluluskan Menerima Deposit yang dikemas kini setakat 9 Mac 2016.
- b. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai tunai dan kesetaraan tunai tertinggi berjumlah RM34.84 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM20.72 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM13.48 bilion, Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM3.85 bilion dan lain-lain kementerian berjumlah RM15.56 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.8**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2


CARTA 6.8
KEDUDUKAN JUMLAH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- c. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatatkan jumlah tunai dan kesetaraan tunai tertinggi berjumlah RM19.07 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Lembaga Tabung Haji (LTH) berjumlah RM11.22 bilion, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berjumlah RM11.17 bilion, Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM6.90 bilion, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) berjumlah RM4.56 bilion dan Badan Berkanun Persekutuan lain berjumlah RM35.53 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.9**.

CARTA 6.9
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- d. Analisis Audit mendapati Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM) mencatatkan jumlah tunai dan kesetaraan tunai yang terendah

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

berjumlah RM414,307, Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS) berjumlah RM651,426, Yayasan Pelajaran Persatuan Peladang dan Pertubuhan Peladang Mada (YP MADA) berjumlah RM1.33 juta serta Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) berjumlah RM1.61 juta serta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) berjumlah RM1.65 juta.

- e. Yayasan Tun Razak (YTR) mencatatkan peratus peningkatan jumlah tunai dan kesetaraan tunai tertinggi sebanyak 479% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Ini disebabkan oleh Yayasan Tun Razak (YTR) menerima geran kerajaan berjumlah RM2.0 juta dalam tahun semasa manakala Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP) mencatatkan peningkatan sebanyak 250% disebabkan oleh perubahan dalam tahun semasa berjumlah RM454.82 juta dalam Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) dan Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM) mengalami penurunan jumlah tunai dan kesetaraan tunai masing-masing sebanyak 87% disebabkan oleh pencairan simpanan tetap untuk membiayai perbelanjaan operasi.
- f. Pada tahun 2017, sebanyak 58 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan jumlah peningkatan tunai dan kesetaraan tunai manakala 56 Badan Berkanun Persekutuan mengalami penurunan tunai dan kesetaraan tunai. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2017 berbanding 2016 seperti **Jadual 6.29, Carta 6.10 dan Carta 6.11**.

JADUAL 6.29
PENINGKATAN/(PENURUNAN) TERTINGGI DALAM TUNAI DAN
KESETARAAN TUNAI BAGI 10 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
TAHUN 2017 BERBANDING 2016


BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Yayasan Tun Razak (YTR)	3.92	0.68	3.24	476
2.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP)	267.36	76.42	190.94	250
3.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	19,073.23	8,476.69	10,596.54	125
4.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	78.42	42.08	36.34	86
5.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	3,322.87	1,836.74	1,486.13	81
PENURUNAN					
6.	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)	2.50	19.90	(17.40)	(87)
7.	Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM)	0.41	3.14	(2.73)	(87)

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
				(RM Juta)	(%)
8.	Bank Negara Malaysia (BNM)	6,901.58	31,863.02	(24,961.44)	(78)
9.	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	41.09	109.67	(68.57)	(63)
10.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)	153.54	382.19	(228.65)	(60)


Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

CARTA 6.10
PENINGKATAN TERTINGGI DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BAGI 5 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

CARTA 6.11
PENURUNAN TERTINGGI DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BAGI 5 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.5 Analisis Liabiliti

6.5.1 Liabiliti semasa dan bukan semasa Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada komponen utama seperti pinjaman, overdraf pembiutang, deposit dan pendahuluan.

6.5.2 Pada tahun 2017, baki liabiliti bagi 114 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM519,853.49 juta bagi tahun

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

2017 dan sejumlah RM512,492.03 juta yang dilaraskan semula bagi tahun 2016 seperti pada **Jadual 6.30**.

JADUAL 6.30
LIABILITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT
KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017


BIL.	KEMENTERIAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
1.	Kewangan	380,031.29	368,874.93
2.	Pendidikan Tinggi	68,958.97	68,174.15
3.	Pengangkutan	24,105.82	29,365.29
4.	Jabatan Perdana Menteri	14,958.89	14,274.92
5.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	11,970.40	12,170.61
6.	Sumber Manusia	4,666.26	4,374.08
7.	Wilayah Persekutuan	3,305.90	3,325.70
8.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	2,838.06	2,496.83
9.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	2,434.00	2,377.78
10.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	1,513.05	1,669.80
11.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	1,338.22	1,132.11
12.	Pertanian dan Industri Asas Tani	1,221.71	1,656.78
13.	Pelancongan dan Kebudayaan	566.56	376.03
14.	Pertahanan	504.22	281.52
15.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	361.24	894.48
16.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	358.41	304.56
17.	Komunikasi dan Multimedia	208.43	193.81
18.	Belia dan Sukan	149.87	143.92
19.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	129.10	128.04
20.	Kerja Raya	113.99	85.82
21.	Pendidikan Malaysia	61.42	108.41
22.	Sains, Teknologi dan Inovasi	57.66	82.40
23.	Kesihatan Malaysia	0.02	0.06
JUMLAH		519,853.49	512,492.03

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.5.3 Merujuk Jadual 6.30 di atas, analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM380,031.29 juta, diikuti dengan Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM68,958.97 juta, Kementerian Pengangkutan berjumlah RM24,105.82 juta dan Jabatan Perdana Menteri dengan jumlah RM14,958.89 juta. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain mempunyai liabiliti berjumlah RM31,798.52 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.12**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

**CARTA 6.12
LIABILITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN
PADA TAHUN 2017**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.5.4 Nisbah liabiliti kepada aset mengukur peratusan aset yang dibiayai oleh liabiliti. Umumnya nisbah yang melebihi 50% menunjukkan syarikat terlalu bergantung kepada liabiliti. Nisbah liabiliti kepada aset bagi lima (5) Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai jumlah liabiliti tertinggi adalah seperti **Jadual 6.31**.

**JADUAL 6.31
NISBAH LIABILITI KEPADA ASET BAGI LIMA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
YANG MEMPUNYAI JUMLAH LIABILITI TERTINGGI PADA TAHUN 2017**

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	JUMLAH LIABILITI (RM Juta)	JUMLAH ASET (RM Juta)	NISBAH KESTABILAN (%)
1.	Bank Negara Malaysia (BNM)	313.027	449.846	69.6
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	43.841	51.806	84.6
3.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	34.025	59.246	57.4
4.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	26.754	29.267	91.4
5.	Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	19.995	35.103	57.0

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017


6.5.5 Analisis Pinjaman

- a. Pinjaman adalah merujuk kepada pembiayaan kewangan, pembiayaan sewa beli dan pajakan kewangan bagi tempoh jangka masa pendek serta jangka masa panjang yang diperoleh oleh Badan Berkanun Persekutuan. Pinjaman ini mempunyai jadual pembayaran balik yang diikat melalui perjanjian atau mempunyai tempoh matang untuk bayaran balik pinjaman.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

- b. Pada tahun 2017, baki pinjaman bagi 25 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 15 kementerian adalah berjumlah RM88.356 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM7.642 bilion atau 9.5% berbanding RM80.714 bilion pada tahun 2016.
- c. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi mempunyai pinjaman tertinggi berjumlah RM40.573 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Kementerian Kewangan berjumlah RM33.616 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM7.801 bilion, Kementerian Pengangkutan berjumlah RM4.235 bilion dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi berjumlah RM1.021 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mempunyai liabiliti berjumlah RM1.109 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.13**.

CARTA 6.13
PINJAMAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- d. Analisis Audit terhadap jumlah pinjaman Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapati empat (4) kementerian mencatatkan peningkatan jumlah pinjaman, tujuh (7) kementerian menunjukkan penurunan jumlah pinjaman dan 12 kementerian tidak mempunyai sebarang pinjaman pada tahun 2017. Sebanyak empat (4) kementerian masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi bagi pinjaman tahun 2017 berbanding tahun 2016 seperti **Jadual 6.32, Carta 6.14 dan Carta 6.15**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

JADUAL 6.32


PENINGKATAN DAN PENURUNAN PINJAMAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017

BIL.	KEMENTERIAN	2017	2016	JUMLAH	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Kewangan	33,616.24	26,813.43	6,802.81	25.4
2.	Jabatan Perdana Menteri	7,801.60	6,822.61	978.99	14.3
3.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	1,020.80	931.65	89.15	9.6
4.	Pengangkutan	4,234.92	4,223.35	11.57	0.3
PENURUNAN					
5.	Sumber Manusia	650.26	755.61	(105.35)	(13.9)
6.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	233.73	296.37	(62.64)	(21.1)
7.	Pendidikan Tinggi	40,573.53	40,617.28	(43.75)	(0.1)
8.	Pendidikan Malaysia	-	35.52	(35.52)	(100.0)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017


CARTA 6.14

PENINGKATAN PINJAMAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017


CARTA 6.15
PERATUS PENURUNAN PINJAMAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- e. Analisis Audit mendapati Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah mencatatkan baki pinjaman tertinggi berjumlah RM40.200 bilion pada tahun 2017. Ini diikuti oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) berjumlah RM33.439 bilion, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) berjumlah RM7.799 bilion, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) berjumlah RM3.810 bilion dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) berjumlah RM1.021 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain mencatatkan baki pinjaman berjumlah RM2.085 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.16**.

CARTA 6.16
BAKI PINJAMAN OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

- f. Analisis Audit terhadap baki pinjaman Badan Berkanun Persekutuan mendapati 10 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan peningkatan baki pinjaman, tujuh (7) Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan penurunan baki pinjaman dan 97 Badan Berkanun Persekutuan tidak mempunyai sebarang pinjaman pada tahun 2017. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi bagi baki pinjaman tahun 2017 berbanding tahun 2016 seperti **Jadual 6.33, Carta 6.17 dan Carta 6.18.**

JADUAL 6.33
PENINGKATAN/(PENURUNAN) BAKI PINJAMAN TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2017	2016	PERBEZAAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	130.36	1.19	129.17	10,854.6
2.	Maktab Koperasi Malaysia (MKM)	4.41	-	4.41	100.0
3.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	122.81	-	122.81	100.0
4.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	33,438.99	26,751.87	6,687.12	25.0
5.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	7,799.58	6,819.57	980.01	14.4
PENURUNAN					
6.	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	-	35.52	(35.52)	(100.0)
7.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	-	0.29	(0.29)	(100.0)
8.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	1.04	1.99	(0.95)	(47.7)
9.	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	2.02	2.74	(0.72)	(26.3)
10.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	285.84	224.63	(61.20)	(27.2)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

CARTA 6.17
PENINGKATAN BAKI PINJAMAN TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

CARTA 6.18
PENURUNAN BAKI PINJAMAN TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

- g. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mencatatkan peratus peningkatan baki pinjaman tertinggi sebanyak 10,854.6% disebabkan oleh kemudahan pajakan kewangan bagi membiayai pengambilalihan bangunan kolej kediaman pelajar secara konsesi selama 20 tahun berjumlah RM129.21 juta.
- h. Penambahan pinjaman 100% oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) berjumlah RM122.81 juta disebabkan oleh pinjaman bagi membiayai perolehan kenderaan dan bangunan pejabat pada tahun 2017 manakala Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menandatangani perjanjian pinjaman Qardhul Hasan bagi membiayai Dana Pelancaran Pendidikan Tinggi Koperasi berjumlah RM4.41 juta pada tahun 2017.
- i. Pinjaman bagi Dewan Bahasa dan Pustaka telah selesai pada tahun 2017 disebabkan tamatnya tempoh konsesi serta sewa mengikut jadual pembayaran bagi bangunan baharu Ibu Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah dibina melalui kaedah “Bina Kendali Pindah”. Selain itu, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah selesai melunaskan bayaran pinjaman Kerajaan Persekutuan.


6.6 Analisis Liabiliti Luar Jangka

6.6.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang berkemungkinan timbul daripada peristiwa lampau yang mana kewujudannya akan disahkan apabila terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa pada masa hadapan.

6.6.2 Pada tahun 2017, 25 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 13 kementerian mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM2.104 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM0.545 bilion atau 34.9% berbanding RM1.559 bilion pada tahun 2016.

6.6.3 Analisis Audit mendapati Kementerian Pengangkutan mempunyai liabiliti luar jangka tertinggi berjumlah RM1,256.18 juta. Ini diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM455.38 juta, Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM153.82 juta dan Kementerian Pertahanan berjumlah RM90.25 juta. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya dan kementerian lain mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM148.62 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.19**.

CARTA 6.19
LIABILITI LUAR JANGKA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.6.4 Analisis Audit terhadap jumlah liabiliti luar jangka Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian mendapati lapan (8) kementerian mencatatkan peningkatan jumlah liabiliti luar jangka, dua (2) kementerian

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2


menunjukkan penurunan jumlah liabiliti luar jangka dan tiga (3) kementerian tidak menunjukkan perubahan jumlah liabiliti luar jangka pada tahun 2017. Analisis Audit terhadap lima (5) kementerian yang mencatatkan peratus peningkatan tertinggi dan dua (2) kementerian mencatatkan peratus penurunan tertinggi bagi liabiliti luar jangka pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 seperti **Jadual 6.34, Carta 6.20 dan Carta 6.21**.

JADUAL 6.34
PENINGKATAN DAN PENURUNAN LIABILITI LUAR JANGKA TERTINGGI
BAGI TUJUH KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	KEMENTERIAN	2017	2016	JUMLAH	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Pendidikan Tinggi	153.82	62.91	90.91	144.5
2.	Jabatan Perdana Menteri	455.38	-	455.38	100.0
3.	Sumber Manusia	1.06	0.79	0.27	34.2
4.	Kewangan	27.38	23.78	3.60	15.1
5.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	75.11	70.93	4.18	5.9
PENURUNAN					
6.	Kerja Raya	0.79	11.18	(10.39)	(92.9)
7.	Pertanian dan Industri Asas Tani	0.50	0.99	(0.49)	(49.5)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017


CARTA 6.20
PENINGKATAN LIABILITI LUAR JANGKA TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2


CARTA 6.21
PENURUNAN LIABILITI LUAR JANGKA TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI DUA KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.6.5 Analisis Audit mendapati Perbadanan Aset Keretapi (PAK) mempunyai liabiliti luar jangka tertinggi berjumlah RM1,251.31 juta. Ini diikuti oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berjumlah RM304.17 juta, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) berjumlah RM151.21 juta dan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) berjumlah RM90.25 juta. Badan Berkanun Persekutuan lain mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM307.31 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.22**.

CARTA 6.22
LIABILITI LUAR JANGKA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017

6.6.6 Liabiliti luar jangka bagi Perbadanan Aset Keretapi (PAK) adalah berkaitan kontigensi aset kerana projek usaha sama di atas tanah milik PAK yang dilaksanakan oleh pihak KTMB dengan pihak swasta bagi membangunkan projek hartanah di atas tanah keretapi antara tahun 1993 hingga 1996. Projek usaha sama tersebut dilaksanakan di atas tanah PAK selepas Akta Keretapi 1991 berkuatkuasa. KTMB telah membuat penukaran status milikan tanah kepada lima (5) syarikat usaha sama yang dinyatakan secara milik kekal atau pajakan tanpa pengetahuan PAK. Tindakan ini telah mengakibatkan PAK kehilangan hak ke atas tanah tersebut yang bernilai RM335.32 juta. Selain daripada itu, PAK juga telah dinafikan hak atas faedah yang diterima oleh KTMB sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai berjumlah RM915.99 juta.

6.6.7 Liabiliti luar jangka bagi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah berkaitan tuntutan kontigensi ke atas SPAD berdasarkan kes mahkamah yang masih belum selesai. SPAD telah memfailkan suatu permohonan interlokutori bagi pembatalan prosiding tersebut dan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membenarkan permohonan interlokutori oleh SPAD dengan kos.

6.6.8 Liabiliti luar jangka bagi Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) adalah berkaitan terimaan Notis Timbang Tara daripada SJIC Bina Sdn. Bhd. yang dilantik untuk melaksanakan reka bentuk dan membina enam (6) projek. Pihak kontraktor telah mendakwa bahawa semasa pelaksanaan projek terdapat beberapa Pelarasan Harga Kontrak telah dibuat dan mengakibatkan kerugian sejumlah RM151.21 juta berbanding harga kontrak asal.

6.6.9 Liabiliti luar jangka bagi Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) berjumlah RM90.25 juta adalah berkenaan jaminan bank untuk Projek Perpindahan Kemudahan Pengkalan Udara Kem Sungai Besi Kuala Lumpur (PUKL) dan Projek Pembangunan Taman LTAT di atas Lot PT5321, PT5322 dan PT5323 Bukit Jalil, Mukim Petaling, Kuala Lumpur.

6.7 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

6.7.1 Rumusan

- a. Secara keseluruhannya, sebanyak 110 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 17 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*, enam (6) diberi Pendapat Berteguran, satu (1) diberi Pendapat Bertentangan dan satu (1) penyata kewangan diberi

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

Penafian Pendapat. Selain itu, sebanyak 13 penyata kewangan belum dimuktamadkan setakat 30 September 2018. Antara sebab kelewatan adalah kerana belum dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah lanjutan dari Pengerusinya yang masih belum dilantik.

- b.** Sebanyak 76 agensi masih menggunakan *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS), 22 agensi menggunakan *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS)/*Financial Reporting Standards* (FRS) dan 50 agensi telah menggunakan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS).
- c.** Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2017:
 - i. Pendapatan 114 Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM124.362 bilion iaitu meningkat sejumlah RM18.818 bilion atau 17.8% berbanding RM105.544 bilion pada tahun 2016. Pendapatan janaan sendiri berjumlah RM100.785 bilion atau 81.1% merupakan penyumbang terbesar jumlah pendapatan, diikuti dengan geran mengurus berjumlah RM16.952 bilion atau 13.6% dan pelunasan geran lain berjumlah RM6.625 bilion atau 5.3%.
 - ii. Geran mengurus yang diterima oleh 71 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 21 kementerian adalah berjumlah RM16.952 bilion, iaitu menurun sejumlah RM1.198 bilion atau 6.6% berbanding RM18.150 bilion pada tahun 2016.
 - iii. Geran pembangunan yang diterima oleh 53 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 15 kementerian adalah berjumlah RM7.310 bilion iaitu menurun sejumlah RM1.643 bilion atau 18.4% berbanding RM8.953 bilion bagi 57 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 16 kementerian pada tahun 2016.
 - iv. Sejumlah RM6.625 bilion geran pembangunan telah dilunaskan oleh 69 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 18 kementerian, iaitu meningkat sejumlah RM1.721 bilion atau 35.1% berbanding RM4.904 bilion bagi 66 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 17 kementerian pada tahun 2016.
 - v. Sebanyak 75 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan lebihan pendapatan manakala 39 Badan Berkanun Persekutuan

menunjukkan kurangan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 2017.

- vi. Sebanyak 109 Badan Berkanun Persekutuan yang mencatatkan lebihan terkumpul menunjukkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) mencatatkan lebihan terkumpul yang tertinggi berjumlah RM61.680 bilion, diikuti oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjumlah RM25.809 bilion dan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan jumlah RM14.744 bilion.
- vii. Nilai aset bagi 114 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM1,822.001 bilion mencatatkan peningkatan sejumlah RM101.891 bilion atau 5.9% berbanding RM1,720.110 bilion pada tahun 2016. Daripada keseluruhan nilai aset tersebut, sejumlah RM1,464.390 bilion atau 80.4% adalah terdiri daripada aset pelaburan, diikuti dengan aset lain berjumlah RM269.160 bilion atau 14.8% manakala tunai dan kesetaraan tunai adalah berjumlah RM88.451 bilion atau 4.8%.
- viii. Sebanyak tujuh (7) Badan Berkanun Persekutuan telah merekodkan peningkatan aset pelaburan pada tahun 2017 antara 1.7% hingga 15.1% berbanding tahun 2016 manakala tiga (3) Badan Berkanun Persekutuan telah mencatatkan pengurangan dalam aset pelaburan antara 12.8% hingga 30.3%. Nilai aset pelaburan Badan Berkanun Persekutuan dalam negara adalah berjumlah RM814.814 bilion atau 55.6% manakala nilai aset pelaburan di luar negara berjumlah RM649.576 bilion.
- ix. Nilai pelaburan bersih dalam syarikat subsidiari oleh 53 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 15 kementerian adalah berjumlah RM33.634 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM2.887 bilion atau 9.4% berbanding RM30.747 bilion pada tahun 2016. Perbezaan ini disumbangkan oleh penubuhan 21 buah syarikat baru pada tahun 2017 menjadi 224 buah syarikat berbanding 203 buah syarikat pada tahun 2016.
- x. Sebanyak 114 agensi memperoleh tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM88.45 bilion iaitu menurun sejumlah RM10.91 bilion atau 11% berbanding RM99.36 bilion pada tahun 2016.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

- xi. Baki liabiliti bagi 114 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM519,853.49 juta pada tahun 2017 dan RM512,492.03 juta yang dilaras semula pada tahun 2016.
- xii. Baki pinjaman bagi 25 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 15 kementerian adalah berjumlah RM88.356 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM7.642 bilion atau 9.5% berbanding RM80.714 bilion pada tahun 2016.
- xiii. Sebanyak 25 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 13 kementerian mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM2.104 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM0.545 bilion atau 34.9% berbanding RM1.559 bilion pada tahun 2016.

6.7.2 Syor Audit

Kerjasama semua peringkat di Badan Berkanun Persekutuan termasuk pemantauan yang efektif di peringkat kementerian akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- a. Agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh penggerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan.
- b. Agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.
- c. Agensi yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam meningkatkan pendapatan melalui janaan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan.
- d. Agensi hendaklah memantau pengurusan dan prestasi penggunaan geran pembangunan/khas bagi tujuan yang ditetapkan.
- e. Kementerian hendaklah memastikan kewujudan agensi baru mematuhi ketetapan Akta Tubuh/Akta 240 berkaitan penyediaan dan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

pengemukaan penyata kewangan tahunan untuk pengauditan oleh Ketua Audit Negara tanpa kelewatan.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

JABATAN/ BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) JABATAN/BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

7. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

7.1. PENDAHULUAN

7.1.1. Pengurusan kewangan adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama, iaitu legaliti dan akauntabiliti kewangan. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi dan mematuhi segala undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

7.1.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit dan memberi syor bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

7.1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang mendapat tahap penarafan yang Cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti dalam **Jadual 7.1**.

**JADUAL 7.1
PEMARKAHAN TAHAP PENARAFAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.1.4. Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

- a. Pada tahun 2017, kajian semula terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah:
 - i. Audit dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain;
 - ii. Persampelan Audit tidak mengambil kira saiz sesebuah Audit;
 - iii. Aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria.
- b. Pindaan kepada Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah mengambil kira penambahbaikan berikut:
 - i. Saiz persampelan mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain;
 - ii. Setiap kriteria Audit diberikan tahap risiko;
 - iii. Menetapkan tempoh pengauditan bagi Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang dilaksanakan secara pusingan; dan
 - iv. Format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (IA) disediakan dengan berteraskan konsep "ABC", iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).
- c. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) dijalankan terhadap 99 Jabatan Persekutuan dan 114 Badan Berkanun Persekutuan secara

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

pusingan setiap lima (5) tahun sekali kecuali Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang berisiko tinggi atas arahan Ketua Audit Negara Malaysia.

d. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

Risiko ialah kebarangkalian berlakunya perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan serta membantu pihak pengurusan atas mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti dalam **Jadual 7.2**.

**JADUAL 7.2
SKALA TAHAP RISIKO**

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjelaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjelaskan operasi organisasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.1.5. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2 mengenai Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) menggunakan pendekatan baru, iaitu berdasarkan risiko. Pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi kewangan tahun 2017 tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 7.2.1. Menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 7.2.2. Menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 7.2.3. Menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan

- 7.2.4.** Menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

7.3. SKOP PENG AUDITAN

- 7.3.1.** Bagi Jabatan Persekutuan, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama, iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2017 melibatkan 20 Jabatan Persekutuan [termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang diaudit secara *across the board* di 14 negeri]. Selain JKDM, 19 Jabatan Persekutuan yang dinilai adalah seperti dalam **Jadual 7.3**.

**JADUAL 7.3
SENARAI 19 JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT**

BIL.	JABATAN
1.	Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)
2.	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
3.	Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara (IDFR)
4.	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
5.	Institut Pengurusan Kesihatan (IPK)
6.	Institut Sosial Malaysia (ISM)
7.	Istana Negara (ISTANA)
8.	Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR)
9.	Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P)
10.	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
11.	Jabatan Pendidikan Politeknik (JPPPoliteknik)
12.	Jabatan Penerangan Malaysia (JaPEN)
13.	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
14.	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
15.	Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP)
16.	Jabatan Pertanian (DOA)
17.	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)
18.	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
19.	Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Sumber: Jabatan Audit Negara

- 7.3.2.** Bagi Badan Berkanun Persekutuan, penilaian telah dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama, iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan secara *across the board* di 13 cawangan Universiti Teknologi

MARA (UiTM) di 13 negeri. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2017 serta penyata kewangan UiTM bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

7.4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko yang disediakan berasaskan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). ISSAI 4000 *Compliance Audit* menggalakkan amalan tadbir urus organisasi yang baik dengan memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

7.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipilih. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkuuhkan ketepatan penemuan Audit.

7.5. PENEMUAN AUDIT


7.5.1. Prestasi Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan

- a. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 19 Jabatan Persekutuan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **dua (2)** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **10** mencapai tahap **Baik**, **lima (5)** berada ditahap **Memuaskan** dan **dua (2)** pada tahap **Kurang Memuaskan**.
- b. Prestasi pengurusan kewangan JKDM secara *across the board* di 14 negeri bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **tiga (3)** JKDM Negeri mencapai tahap **Cemerlang**, **tujuh (7)** JKDM Negeri tahap **Baik** dan **empat (4)** ditahap **Memuaskan**.
- c. Prestasi pengurusan kewangan 13 cawangan UiTM secara *across the board* di 13 negeri bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **tiga (3)** kampus cawangan mencapai tahap **Cemerlang**, **tujuh (7)** kampus cawangan tahap **Baik** dan **dua (2)** tahap **Memuaskan** dan **satu (1)** kampus cawangan tahap **Kurang Memuaskan**.

7.5.2. Prestasi 19 Jabatan Persekutuan Mengikut Elemen Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 bagi 19 Jabatan Persekutuan adalah seperti di **Carta 7.1** dan **Carta 7.2**. Prestasi mengikut elemen kawalan bagi 19 Jabatan tersebut adalah seperti **Carta 7.3**.


CARTA 7.1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

CARTA 7.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA PUSINGAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 7.3
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN PERSEKUTUAN MENGIKUT ELEMEN KAWALAN BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, **tujuh (7)** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang**, **sembilan (9)** Jabatan mencapai tahap **Baik** dan **tiga (3)** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Memuaskan** dalam elemen Kawalan Pengurusan. Pencapaian Jabatan Persekutuan dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 7.4**.


CARTA 7.4
TAHAP PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN 19 JABATAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 19 Jabatan Persekutuan adalah seperti **Carta 7.5**.

CARTA 7.5
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 28 KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh 18 Jabatan Persekutuan dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti dalam **Jadual 7.4.**

JADUAL 7.4
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PENGURUSAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	RISIKO
1.	Tidak semua pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan diberikan kuasa/dilantik secara bertulis (bajet, terimaan, perbelanjaan, amanah, aset dan stor serta kenderaan).	Pegawai melaksanakan tugas tanpa punca kuasa yang sah dan boleh membuka ruang kepada risiko salah guna kuasa serta penyelewengan.
2.	Teguran Audit tidak diambil tindakan.	Kelemahan yang sama berpotensi untuk berulang pada masa akan datang.
3.	Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak dihantar kepada Urus Setia Tatatertib mengikut tempoh yang ditetapkan.	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak mempunyai data yang lengkap mengenai tindakan tatatertib yang diambil terhadap penjawat awam.
4.	Pemeriksaan Dalaman tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik.	Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenal pasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa.
5.	Pemeriksaan Mengejut tidak meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga.	Boleh menyebabkan: a. Kehilangan wang/barang berharga lewat dikesan yang boleh membuka ruang kepada penyelewengan /penyalahgunaan kuasa. b. Tindakan pembetulan dan pencegahan tidak dapat diambil menyebabkan isu yang sama berulang dan boleh menyebabkan kerugian.

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Bajet

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak **17** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang, satu (1)** Jabatan berada pada tahap **Baik** dan **satu (1)** Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dalam elemen Kawalan Bajet. Pencapaian Jabatan Persekutuan dalam elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 7.6.**


**CARTA 7.6
TAHAP PRESTASI KAWALAN BAJET
19 JABATAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2017**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 19 Jabatan Persekutuan adalah seperti **Carta 7.7**.

**CARTA 7.7
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 25 KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan oleh dua (2) Jabatan Persekutuan dalam Kawalan Bajet adalah seperti dalam **Jadual 7.5**.

**JADUAL 7.5
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN BAJET**


BIL.	PENEMUAN AUDIT	RISIKO
1.	Maklumat kewangan dalam SPP II tidak dikemas kini.	Maklumat prestasi kewangan dan fizikal projek tidak tepat berbanding prestasi sebenar. Data yang tidak tepat akan menyebabkan pemantauan yang berkesan tidak dapat dijalankan.
2.	Cadangan bajet disediakan tidak berdasarkan input daripada semua peringkat Aktiviti dan Program.	Penyediaan bajet tanpa mengambil kira keperluan sebenar jabatan boleh menyebabkan berlakunya perbelanjaan tanpa peruntukan, perbelanjaan melebihi peruntukan atau peruntukan diterima tidak dibelanjakan.
3.	Waran Peruntukan Kecil bagi Perbelanjaan Mengurus dikeluarkan oleh Pegawai Pengawal kepada PTJ dan Agensi Pelaksana selepas 31 Januari.	Kelewatan pengeluaran waran peruntukan akan memberi kesan kepada keberkesaan PTJ dan Agensi melaksanakan program atau aktiviti yang telah dirancang.

Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Kawalan Terimaan

- i. Prestasi kawalan terimaan bagi **11** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang**, tujuh (**7**) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan **satu (1)** Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Kedudukan tahap pencapaian di bawah elemen kawalan terimaan bagi Jabatan Persekutuan adalah seperti **Carta 7.8**.

**CARTA 7.8
TAHAP PRESTASI KAWALAN TERIMAAN 19 JABATAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2017**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi 19 Jabatan Persekutuan adalah seperti **Carta 7.9**.

CARTA 7.9
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 36 KRITERIA KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan Persekutuan dalam Kawalan Terimaan adalah seperti dalam **Jadual 7.6**.

JADUAL 7.6
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN TERIMAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	RISIKO
1.	Peranan dan capaian dalam sistem e-terimaan Jabatan tidak selaras dengan penurunan kuasa.	<ul style="list-style-type: none"> a. Pegawai melaksanakan tugas tidak selaras dengan had kuasa yang diberikan. b. Kawalan dalaman yang lemah membuka ruang kepada penyelewengan/salah guna kuasa dan meningkatkan risiko kehilangan hasil Kerajaan.
2.	Terimaan tidak diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.	<ul style="list-style-type: none"> a. Rekod perakaunan tidak tepat iaitu hasil terkurang nyata. b. Kehilangan hasil Kerajaan.
3.	Resit dibatalkan oleh pegawai yang tidak diturunkan/diberikan kuasa secara bertulis.	Jabatan terdedah kepada risiko berlakunya kehilangan hasil apabila kawalan dalaman pengurusan kutipan adalah lemah.
4.	Resit yang dibatalkan berserta salinannya tidak dikemukakan untuk diaudit.	Jabatan terdedah kepada risiko berlakunya kehilangan hasil apabila kawalan dalaman pengurusan kutipan adalah lemah.
5.	Terimaan lewat dibankkan dan tidak diuruskan dengan teratur.	<ul style="list-style-type: none"> a. Kawalan dalaman yang lemah meningkatkan risiko penyalahgunaan wang awam dan kehilangan hasil Kerajaan. b. Rekod kewangan tidak tepat dan kemas kini.

Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, **12** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang**, **empat (4)** Jabatan berada pada tahap **Baik**, **dua (2)** Jabatan berada pada tahap **Memuaskan** dan **satu (1)** Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dalam elemen Pengurusan Perolehan. Pencapaian Jabatan Persekutuan dari aspek elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 7.10**.


CARTA 7.10
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN
19 JABATAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi 19 Jabatan Persekutuan adalah seperti **Carta 7.11**.

CARTA 7.11
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 39 KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan Persekutuan dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti dalam **Jadual 7.7.**

JADUAL 7.7
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	RISIKO
1.	Tidak semua kategori perolehan telah didaftarkan di dalam GPIS adalah kemas kini dan sahih.	a. Kementerian Kewangan tidak mempunyai maklumat yang lengkap dan tepat mengenai jumlah keseluruhan perbelanjaan mengikut kategori perolehan. b. Maklumat perolehan yang tidak lengkap dan tepat akan memberi kesan kepada proses perancangan dan pembuatan keputusan di masa akan datang seperti perancangan penyediaan bajet.
2.	Kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.	Boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjaga kerana kontraktor tidak terikat dengan terma perjanjian.
3.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dipatuhi.	a. Tindakan pencegahan dalam usaha Kerajaan menangani gejala rasuah dalam perolehan menjadi kurang berkesan. b. Risiko salah guna kuasa apabila pegawai yang terlibat tidak terikat dengan terma yang ditetapkan dalam <i>integrity pact</i> .
4.	Pembelian terus dibuat bagi perolehan melebihi RM20,000 setahun.	a. Kepentingan Kerajaan tidak terpelihara untuk mendapatkan tawaran harga yang kompetitif. b. Boleh menyumbang kepada pembaziran wang awam. c. Risiko penyelewengan untuk mendapatkan keuntungan.
5.	Kajian Pasaran dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	a. Kepentingan Kerajaan tidak terpelihara untuk mendapatkan tawaran harga yang kompetitif. b. Boleh menyumbang kepada pembaziran wang awam. c. Risiko penyelewengan untuk mendapatkan keuntungan.
6.	Ahli Jawatankuasa Sebut Harga dan Ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Bahagian.	a. Pegawai melaksanakan tugas tanpa punca kuasa yang sah. b. Boleh menyebabkan pegawai yang terlibat tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku penyelewengan dan pembaziran.

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Isu dalam perolehan Kerajaan yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan Persekutuan adalah seperti berikut:

- **Pecah Kecil Perolehan**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP)-PK 2 mentafsirkan pembelian terus sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 atau sesuatu kontrak. Setiap jenis item ditafsirkan sebagai sesuatu barang/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperoleh daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Bagi perolehan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

bekalan/perkhidmatan bernilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun perlu dilaksanakan melalui Jawatankuasa Sebut Harga B. Manakala bagi perolehan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun perolehan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Sebut Harga A. Agensi adalah dilarang memecah kecil perolehan tahunan untuk mengelak daripada pelawaan secara sebut harga dan tender.

Sebanyak tujuh (7) Jabatan Persekutuan membuat perolehan secara pembelian terus/sebut harga melebihi had yang dibenarkan berjumlah RM3.20 juta. Manakala satu (1) Jabatan Persekutuan membuat perolehan secara pembelian terus/sebut harga berjumlah RM0.85 juta yang sepatutnya dilaksanakan secara tender. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 7.8.

**JADUAL 7.8
JABATAN PERSEKUTUAN YANG TELAH MELAKSANAKAN PEROLEHAN
SECARA PEMBELIAN TERUS/SEBUT HARGA
MELEBIHI HAD YANG DIBENARKAN**

JABATAN	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)	PERIHAL
Pembelian Terus			
JKWPKL&P	20	235,714.94	<ul style="list-style-type: none"> Membekal dan Mencetak Sijil Mencetak Borang Mencetak Risalah/Sticker
ISTANA	5	54,622.74	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan Toner Perolehan Alat Tulis
ISM	4	51,486.00	Membekal dan Menghantar Toner
JaPEN	10	41,115.00	Perkhidmatan Menyediakan Air Mineral
JKJR	2	29,979.00	<ul style="list-style-type: none"> Smart TV with accessories Storage Case + HDMI Cable & Optical Cable Portable Mounting TV Stand and Storage Case. Folding Panel with storage soft bag Pop Up System Curve With TV Mounted Slot (Customized) And Storage Hard Cases Sound Bar and Subwoofer Speaker With Accessories and Storage Case + HDMI Cable & Optical Cable.
DOA	26	224,555.40	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan Toner Perolehan Alat Tulis
JPSM	28	499,925.17	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan Peralatan Pejabat Kerja-kerja Penyelenggaraan*
JUMLAH	95	1,137,398.25	
Sebut Harga			
JPSM	5	846,170.00	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan Bekalan Peralatan Hidrologi**
JUMLAH	5	846,170.00	

Sumber: Baucar Bayaran Jabatan Persekutuan Berkennaan

Nota: *Termasuk 2 perolehan dibuat menggunakan kaedah perolehan secara sebut harga


**- Termasuk 1 perolehan yang dibuat secara pembelian terus

Perolehan secara pecah kecil meningkatkan risiko salah laku dan salah guna kuasa, harga yang tidak kompetitif dan pemilihan pembekal yang tidak berkelayakan.

e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, 12 Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **lima (5)** Jabatan mencapai tahap **Baik**, **satu (1)** Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan **satu (1)** Jabatan berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Jabatan Persekutuan dalam elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 7.12**.


CARTA 7.12
TAHAP PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN 19 JABATAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 19 Jabatan Persekutuan adalah seperti **Carta 7.13**.

CARTA 7.13
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 23 KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan Persekutuan dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 7.9**.

JADUAL 7.9
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	RISIKO
1.	Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan: - Pembayaran tidak wajar - Penggunaan kod belanja tidak tepat Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.	Boleh menyebabkan: a. Kerugian wang awam. b. Menggambarkan kelemahan kawalan dalam. c. Penyelewengan dan salah guna kuasa.
2.	Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.	Boleh menyebabkan penyelewengan dan salah guna kuasa.
3.	Laporan Pukal (BP21) tidak disemak dengan bil asal.	Boleh menyebabkan: a. Berlaku pembayaran 2 kali. b. Kerugian wang awam. c. Menggambarkan kelemahan kawalan dalam.

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara penemuan Audit yang dikenal pasti mempunyai unsur-unsur untuk tindakan punitif dan Jawatankuasa Siasatan Dalaman perlu ditubuhkan bagi menyiasat sama ada wujud kes *prima facie* dan mengenal pasti pegawai yang bertanggungjawab adalah seperti dalam **Jadual 7.10**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

JADUAL 7.10 ANTARA PENEMUAN AUDIT YANG DIKENAL PASTI UNTUK TINDAKAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN


BIL.	KRITERIA AUDIT	JABATAN	PENEMUAN AUDIT	RISIKO
1.	Kawalan Dalaman Proses Pembayaran	ANGKASA IDFR JPSM JPP	<ul style="list-style-type: none"> • 10 baucar bayaran berjumlah RM1.23 juta tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan, iaitu SST tidak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa. • 56 baucar bayaran berjumlah RM4.75 juta tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan, iaitu dokumen sokongan tidak lengkap dan Peraku II bukan peraku yang diberi kuasa dalam AP101. • 36 baucar bayaran berjumlah RM412,901.93 telah dibelanjakan bagi penginapan pegawai untuk urusan mesyuarat/kursus/persidangan di bawah peruntukan pembangunan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai melaksanakan tugas tanpa punca kuasa yang sah; • Kawalan dalaman yang lemah mendedahkan jabatan kepada risiko penyalahgunaan wang awam; dan • Berpotensi berlakunya penyelewengan dan salah guna kuasa.
2.	Had Kuasa	JPSM	<ul style="list-style-type: none"> • Kad pintar pegawai Peraku I dan II telah digunakan semasa ketiadaan pegawai bagi 29 sampel baucar bayaran berjumlah RM205,346.03. 	Berpotensi mempunyai unsur penyelewengan untuk mendapatkan keuntungan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit

- i. Secara keseluruhannya, **13** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang, satu (1)** Jabatan mencapai tahap **Baik, satu (1)** Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan **satu (1)** Jabatan berada pada tahap **Tidak Memuaskan** manakala **tiga (3)** Jabatan **tidak mempunyai Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit**. Pencapaian **16** Jabatan Persekutuan dalam elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 7.14**.


CARTA 7.14
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT 16 JABATAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi 16 Jabatan Persekutuan adalah seperti **Carta 7.15**.

CARTA 7.15
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 23 KRITERIA DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan Persekutuan dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti dalam **Jadual 7.11**.

JADUAL 7.11
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN
KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT


BIL.	PENEMUAN AUDIT	RISIKO
1.	Dokumen berkaitan penutupan akaun bagi Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan tidak dikemukakan untuk semakan dan pengesahan pihak Audit.	Boleh menyebabkan penyalahgunaan wang akaun amanah.
2.	Permohonan pendahuluan diri tidak direkodkan dalam daftar pendahuluan diri.	Rekod yang tidak lengkap dan kemas kini akan menyukarkan penyeliaan dan pemantauan dibuat dan boleh mengakibatkan pengurusan pembayaran balik yang tidak teratur
3.	Tiada tindakan yang sewajarnya diambil oleh jabatan untuk memastikan bayaran balik dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.	Kerugian kepada Kerajaan apabila pembayaran balik tidak teratur.
4.	Penalti tidak dikenakan kepada pegawai yang gagal membayar balik pendahuluan diri mengikut tempoh yang ditetapkan.	a. Kerugian kepada Kerajaan apabila penalti tidak dikenakan. b. Tindakan Kerajaan untuk mendisiplinkan pegawai bagi mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan tidak berkesan.
5.	Ketua Jabatan tidak mengemukakan satu penyata yang menunjukkan Ringkasan Pendahuluan Diri yang diluluskan dan hasil pengutipannya ke Kementerian setiap 6 bulan.	Pemantauan yang cekap dan berkesan tidak dapat dilaksanakan.
6.	Penyata Penyesuaian tidak disediakan dengan tepat.	a. Perbezaan rekod tidak dikenal pasti dan pelarasan tidak dibuat. b. Pelaporan kurang tepat.

Sumber: Jabatan Audit Negara

g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, **tiga (3)** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **lima (5)** Jabatan mencapai tahap **Baik, enam (6)** Jabatan berada pada tahap **Memuaskan, tiga (3)** Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan **dua (2)** Jabatan berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Jabatan Persekutuan dalam elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 7.16**.


CARTA 7.16
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR
19 JABATAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi 19 Jabatan Persekutuan adalah seperti **Carta 7.17**.

CARTA 7.17
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 64 KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan Persekutuan dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti dalam **Jadual 7.12**.

JADUAL 7.12
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR

BIL.	PENEMUAN AUDIT	RISIKO
1.	Tidak mematuhi tatacara Pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan: a. Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) bermesyuarat setiap tiga (3) bulan sekali. b. Agenda mesyuarat yang ditetapkan dibincangkan. c. Tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat yang lepas.	Boleh menyebabkan: a. Maklumat /status terkini tidak dibincangkan. b. Membuat keputusan yang kurang tepat.
2.	Perakuan Pegawai Pengawal berserta ringkasan laporan tahunan tidak dikemukakan ke Kementerian mengikut tempoh yang ditetapkan.	Kompilasi laporan yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan adalah tidak lengkap dan tidak memberi gambaran sebenar kedudukan aset di peringkat Kementerian.
3.	Pegawai Aset/Stor/Pegawai Penerima/Pegawai bertauliah tidak dilantik. Pemverifikasi Stor tidak dilantik oleh Ketua Setiausaha (Kementerian)/ Ketua Pengarah (Jabatan)/ Pengerusi JKPAK.	Boleh menyebabkan: a. Pegawai melaksanakan tugas tanpa punca kuasa yang sah. b. Pengurusan aset dan stor kurang teratur. c. Meningkatkan risiko kehilangan. d. Penilaian teknikal tidak tepat.
4.	Harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dan tidak dilabel.	Boleh menyebabkan: a. Maklumat aset tidak tepat b. Bilangan serta jumlah keseluruhan aset tidak dapat disahkan. c. Identiti aset sebagai harta Kerajaan tidak dapat disahkan apabila aset tidak dilabelkan. d. Kehilangan aset sukar dikesan dan aset boleh disalah guna. e. Kerugian kepada kerajaan.
5.	Daftar Harta Modal, Daftar Aset Alih Bernilai Rendah dan Daftar Pergerakan Harta Modal/Aset Alih Bernilai Rendah tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Boleh menyebabkan: a. Maklumat aset tidak tepat. b. Pemantauan tidak cekap dan berkesan. c. Aset tidak dapat dikesan. d. Meningkatkan risiko salah guna dan kehilangan aset.
6.	Kerosakan aset tidak dilaporkan dan tiada tindakan susulan diambil.	Boleh menyebabkan: a. Tindakan pembaikan/ pelupusan tidak dapat dilaksanakan. b. Menjejaskan jangka hayat penggunaan aset.
7.	Aset tidak disimpan di tempat yang selamat dan sesuai.	Meningkatkan risiko kehilangan dan salah guna aset.
8.	Aset yang dibeli tidak digunakan.	Berlaku pembaziran.
9.	Pegawai Pemeriksa Aset/Stok tidak dilantik secara bertulis.	Pegawai melaksanakan tugas tanpa punca kuasa yang sah.
10.	Semua aset tidak diperiksa sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan Laporan Pemeriksaan Harta Modal serta Laporan Pemeriksaan Inventori tidak disediakan.	Boleh menyebabkan: a. Keadaan fizikal aset tidak dapat disahkan. b. Kehilangan aset tidak dapat dikesan. c. Maklumat aset tidak tepat.
11.	Program Penyelenggaraan tidak dilaksanakan dan tidak direkodkan mengikut peraturan yang ditetapkan.	Boleh menyebabkan: a. Memberi kesan terhadap jangka hayat aset. b. Maklumat aset tidak tepat. c. Pemantauan terhadap penyelenggaraan aset tidak dilaksanakan dengan berkesan dan boleh meningkatkan risiko berlaku penyelewengan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2


BIL.	PENEMUAN AUDIT	RISIKO
		d. Kerugian kepada Kerajaan.
12.	Pelantikan Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Alih tidak teratur.	Pegawai melaksanakan tugas tanpa punca kuasa yang sah.
13.	Pelupusan aset tidak teratur.	Boleh menyebabkan aset disalahgunakan, penyelewengan dan kehilangan.
14.	Pegawai yang bertanggungjawab tidak melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dan membuat Laporan Polis dalam tempoh 24 jam.	a. Tindakan susulan seperti pelantikan Jawatankuasa Siasatan akan lewat dibuat. b. Kes kehilangan lewat diselesaikan.
15.	Ketua Jabatan/Pegawai Atasan tidak menyediakan Laporan Awal kepada Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan dan salinan tidak dikemukakan kepada KSU, Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan/atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.	Boleh menyebabkan: a. Tindakan susulan seperti pelantikan Jawatankuasa Siasatan akan lewat dibuat. b. Kes kehilangan lewat diselesaikan. c. Kerugian kepada Kerajaan.
16.	Kad Kawalan Stok, Kad Petak dan Senarai Daftar Kad Kawalan Stok tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Boleh menyebabkan: a. Maklumat baki stok tidak tepat. b. Tiada rekod kedudukan stok semasa. c. Boleh menjelaskan operasi berikutkan risiko kekurangan/ kehabisan barang stor. d. Perbezaan stok tidak dapat dikesan dan meningkatkan risiko kehilangan serta penyelewangan.
17.	a. Pemeriksaan tidak dilaksanakan seratus peratus (100%) di Stor Pusat dan Stor Utama sekali setahun ke atas semua stok. b. Laporan Pemeriksaan tidak disediakan	Boleh menyebabkan: a. Maklumat baki stok tidak tepat. b. Tiada rekod kedudukan stok semasa. c. Kehilangan stok tidak dapat dikesan. d. Keadaan fizikal stok tidak dapat diketahui.
18.	Kad Petak tidak disahkan dengan baki fizikal oleh Pegawai Stor.	Boleh menyebabkan: a. Maklumat baki stok tidak tepat. b. Tiada rekod kedudukan stok semasa. c. Kehilangan stok tidak dapat dikesan. d. Keadaan fizikal stok tidak dapat diketahui.
19.	Pegawai Pemeriksa yang dilantik terlibat secara langsung dengan stor yang diperiksa.	Boleh menyebabkan berlaku percanggahan kepentingan dan salah guna kuasa.
20.	Pegawai Pemeriksa tidak membuat pengesahan pada akhir transaksi di Kad Kawalan Stok setelah pemeriksaan dilakukan.	Kesahihan laporan pemeriksaan yang disediakan tidak dapat disahkan.
21.	Verifikasi stor tidak dilaksanakan dan Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor serta Laporan Tahunan Keseluruhan Pengurusan Stor tidak disediakan oleh Pemverifikasi Stor.	Boleh menyebabkan: a. Maklumat baki stok tidak tepat. b. Tiada rekod kedudukan stok semasa. c. Kehilangan stok tidak dapat dikesan. d. Keadaan fizikal stok tidak dapat diketahui.

Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- i. Secara keseluruhannya, **dua (2)** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang**, **satu (1)** Jabatan mencapai tahap **Baik**, **tiga (3)** Jabatan pada tahap **Memuaskan**, **lima (5)** Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan **lapan (8)** Jabatan berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 19 Jabatan Persekutuan dalam elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 7.18**.


CARTA 7.18
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN
19 JABATAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi 19 Jabatan Persekutuan adalah seperti **Carta 7.19**.

CARTA 7.19
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 35 KRITERIA DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan Persekutuan dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan adalah seperti dalam **Jadual 7.13**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

JADUAL 7.13 ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	RISIKO
1.	Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Boleh menyebabkan: a. Salah guna kenderaan Kerajaan. b. Tiada pegawai boleh dipertanggungjawabkan jika ada kes kehilangan/kemalangan/saman. c. Rekod penggunaan minyak tidak dapat disemak. d. Kelemahan kawalan dalam penggunaan kenderaan Kerajaan.
2.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Boleh menyebabkan: a. Rekod penggunaan tidak disemak oleh Ketua Jabatan. b. Salah guna kad inden minyak. c. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kehilangan kad inden.
3.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.	Boleh menyebabkan: a. Salah guna kad Inden tidak dapat dikesan. b. Kerugian kepada Kerajaan sekiranya pembayaran adalah tidak wajar.
4.	Penyelesaian saman tertunggak tidak diberi peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan.	Boleh menyebabkan: a. Kes saman tertunggak akan berlarutan. b. Tindakan tidak/lewat diambil terhadap pegawai yang berkenaan.
5.	Setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan terhadap saman tertunggak, tiada tindakan seterusnya (seperti potongan gaji) dilaksanakan.	Boleh menyebabkan: a. Kes saman tertunggak akan berlarutan. b. Tindakan tidak/lewat diambil terhadap pegawai yang berkenaan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara penemuan Audit yang dikenal pasti mempunyai unsur-unsur untuk tindakan punitif dan Jawatankuasa Siasatan Dalaman perlu ditubuhkan bagi menyiasat sama ada wujud kes *prima facie* dan mengenal pasti pegawai yang bertanggungjawab adalah seperti dalam **Jadual 7.14**.

JADUAL 7.14 ANTARA PENEMUAN AUDIT YANG DIKENAL PASTI UNTUK TINDAKAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN	RISIKO
1.	Pembelian bahan api diesel selain daripada Primax 95 atau 97.	APPM	Boleh menyebabkan; a. Penyalahgunaan kemudahan oleh pegawai. b. Berpotensi mempunyai unsur salah guna aset bagi mendapatkan keuntungan.
2.	Penggunaan kad <i>Touch n Go</i> di tempat letak kenderaan pasaraya pada hari cuti, cuti umum dan selepas waktu kerja biasa.	JPN	Penyalahgunaan oleh pegawai dan penggunaan yang tidak dipantau boleh menyebabkan kehilangan wang awam serta kerugian kepada Kerajaan.
3.	Kad <i>Touch n Go</i> telah didaftarkan atas nama pemandu dan kad tersebut telah digunakan di tempat letak kenderaan pasaraya.	JPN	

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.5.3 Prestasi Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (*Across The Board*)


Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) merupakan penyumbang kedua terbesar kepada hasil Kerajaan melalui terimaan hasil antaranya Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST), duti import/eksport dan duti eksais. Pengauditan telah dilaksanakan di 14 JKDM Negeri bermula dari bulan Disember 2017 hingga Mei 2018. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi **tiga (3)** JKDM Negeri mencapai tahap **Cemerlang, tujuh (7)** JKDM Negeri mencapai tahap **Baik** dan **empat (4)** JKDM Negeri mencapai tahap **Memuaskan**. Tiga (3) JKDM Negeri yang mencapai tahap Cemerlang adalah JKDM Sarawak, Melaka dan Kedah. JKDM Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perlis, Kelantan, Pahang, Perak dan Pulau Pinang berada pada tahap Baik manakala JKDM Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Johor berada pada tahap Memuaskan. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 bagi 14 JKDM Negeri adalah seperti di **Carta 7.20** dan **Carta 7.21**. Prestasi mengikut elemen kawalan bagi 14 JKDM Negeri tersebut adalah seperti **Carta 7.22**.

CARTA 7.20
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JKDM NEGERI
BAGI TAHUN 2017




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

CARTA 7.21
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JKDM NEGERI
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 7.22
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JKDM NEGERI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN
BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi enam (6) JKDM Negeri berada pada tahap Cemerlang, lima (5) JKDM Negeri pada tahap Baik dan prestasi JKDM Negeri Perlis berada pada tahap Memuaskan. Bagaimanapun, prestasi JKDM Negeri Terengganu dan Johor adalah Kurang Memuaskan dan memerlukan tindakan penambahbaikan yang berkesan. Pencapaian JKDM Negeri dari aspek kawalan pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.23**.


CARTA 7.23
TAHAP PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN JKDM NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 21 kriteria dalam kawalan pengurusan bagi 14 JKDM Negeri adalah seperti di **Carta 7.24**.

CARTA 7.24
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 21 KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh JKDM Negeri dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti di **Jadual 7.15**.

JADUAL 7.15
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PENGURUSAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	JKDM NEGERI	RISIKO
1.	Carta organisasi yang dipamerkan kepada umum tidak lengkap.	Johor, Pulau Pinang, Perlis dan Selangor	Kesulitan kepada orang awam untuk berurus dengan pegawai yang betul.
2.	Pemeriksaan dalaman seperti kehendak Arah Perbendaharaan 308 tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik.	WP Kuala Lumpur, Johor, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Terengganu	Ketua Jabatan tidak dapat mengukur tahap kefahaman pegawai-pegawai terhadap peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan seterusnya membuat penambahbaikan dalam pengurusan kewangan Jabatan.
3.	Pemeriksaan mengejut seperti kehendak Arah Perbendaharaan 309 tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali.	WP Kuala Lumpur, Johor dan Terengganu	Kehilangan aset dan wang awam lewat dikenal pasti tanpa pemantauan yang berterusan.
4.	Pemeriksaan mengejut tidak lengkap di mana terdapat peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga yang tidak dibuat pemeriksaan.	WP Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Pahang, Perlis, Sabah dan Terengganu	Kehilangan aset dan wang awam tidak dapat dikenal pasti dengan berkesan dan membuka ruang kepada penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa.
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun / Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus tidak diadakan mengikut tempoh ditetapkan.	Johor, Selangor, Terengganu dan Sarawak	Penyelesaian terhadap isu berbangkit lewat diputuskan dan menjelaskan keberkesanan tindakan susulan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi 11 JKDM Negeri berada pada tahap Cemerlang, dua (2) JKDM Negeri pada tahap Baik manakala JKDM Negeri Terengganu berada pada tahap Memuaskan. Pencapaian JKDM Negeri dari aspek kawalan terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.25**.

CARTA 7.25
TAHAP PRESTASI KAWALAN TERIMAAN JKDM NEGERI BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 32 kriteria dalam kawalan terimaan bagi 14 JKDM Negeri adalah seperti di **Carta 7.26**.

CARTA 7.26

TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP
32 KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh JKDM Negeri dalam Kawalan Terimaan adalah seperti di **Jadual 7.16**.

JADUAL 7.16
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN TERIMAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	JKDM NEGERI	RISIKO
1.	Penyata Borang Hasil Yang Dikawal tidak disediakan semasa pertukaran pemungut.	Sabah, Selangor dan Sarawak	Pemungut yang mengambil alih tugas tidak dapat mengesahkan sama ada bilangan dan nombor siri borang hasil yang diserahkan kepadanya adalah betul dan tepat.
2.	ID Pengguna bagi sistem e-terimaan dan sistem terimaan agensi telah digunakan semasa ketidaaan pegawai di pejabat.	Johor, Sabah, Sarawak dan Terengganu	JKDM terdedah kepada risiko penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
3.	Hasil sewaan ruang bangunan tidak diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan menyebabkan kehilangan hasil kepada Kerajaan Persekutuan.	Selangor dan Terengganu	Kegagalan memasukkan terimaan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan menyebabkan kehilangan hasil kepada Kerajaan Persekutuan.
4.	Daftar Mel/Laporan Mel tidak disemak setiap hari dengan Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik (TK100) oleh Pegawai Penyelia.	Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu	JKDM tidak dapat mengenal pasti sekiranya berlaku terimaan melalui mel yang tidak diakaunkan dan hilang.
5.	Resit Rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis.	Pulau Pinang dan Selangor	JKDM terdedah kepada risiko berlakunya kehilangan hasil Kerajaan apabila kawalan dalam pengurusan kutipan adalah lemah.

Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi **tujuh (7)** JKDM Negeri berada pada tahap **Cemerlang**, **tiga (3)** JKDM Negeri pada tahap **Baik** dan **satu (1)** JKDM Negeri pada tahap **Memuaskan**. Bagaimanapun, prestasi pematuhan bagi JKDM Negeri Perak, Johor dan Terengganu adalah **Kurang Memuaskan** dan memerlukan pemantauan yang lebih teliti. Pencapaian JKDM Negeri dari aspek pengurusan perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.27**.


CARTA 7.27
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN JKDM NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 37 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi 14 JKDM Negeri adalah seperti di **Carta 7.28**.

CARTA 7.28
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP
 37 KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh JKDM Negeri dalam pengurusan perolehan adalah seperti di **Jadual 7.17**.

JADUAL 7.17
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	JKDM NEGERI	RISIKO
1.	Maklumat perolehan tidak didaftarkan di dalam GPIS dengan kemas kini.	Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah dan Terengganu	Kementerian Kewangan akan menghadapi kesukaran membuat pemantauan dan penjanaan laporan berkaitan transaksi perolehan di Agensi Kerajaan.
2.	Pembelian terus dibuat bagi nilai perolehan melebihi RM20,000 setahun.	Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Selangor	Wujud risiko salah guna kuasa apabila peringkat kelulusan mengikut had nilai perolehan tidak dipatuhi.
3.	Kajian pasaran tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	Johor, Kelantan, Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Perlis dan Terengganu	Kepentingan Kerajaan tidak terpelihara untuk mendapatkan tawaran harga yang berpatutan dengan kualiti barang/perkhidmatan.
4.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dalam urusan sebut harga tidak dipenuhinya.	WP Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Terengganu	Tindakan pencegahan Kerajaan dalam usaha menangani gejala rasuah dalam perolehan menjadi kurang berkesan.
5.	Kontrak lewat ditandatangani iaitu melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.	Johor, Kedah, Melaka, Perak, Selangor dan Terengganu	Kepentingan Kerajaan tidak terpelihara dalam tempoh ketiadaan kontrak.
6.	Pembayaran melebihi tiga kali dalam tempoh empat bulan pertama selepas keluarnya Surat Setuju Terima dan sebelum kontrak formal ditandatangani.	Perak, Terengganu dan Negeri Sembilan	Kepentingan Kerajaan tidak terpelihara.

Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi **sembilan (9)** JKDM Negeri berada pada tahap **Cemerlang, tiga (3)** JKDM Negeri pada tahap **Baik** dan dua (2) JKDM Negeri pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian JKDM Negeri dari aspek Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.29**.


CARTA 7.29
TAHAP PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN JKDM NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 17 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 14 JKDM Negeri adalah seperti di **Carta 7.30**.

CARTA 7.30
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 17 KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh JKDM Negeri dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 7.18**.

JADUAL 7.18
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JKDM NEGERI	RISIKO
1.	Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.	Kelantan, Pahang dan Perak	Had perakuan yang tidak selaras dengan perwakilan kuasa akan memberi implikasi dari aspek perundangan.
2.	Tiada bukti Laporan Pukal (BP21) disemak dengan bil asal.	Melaka, Perak dan Perlis	Sebarang kesilapan dan lebihan caj tidak dapat dikenal pasti dan tindakan pelarasan yang sewajarnya tidak dapat dilaksanakan.
3.	Wang Panjar digunakan untuk tujuan yang tidak dibenarkan.	Kelantan dan Pulau Pinang	Kelemahan kawalan terhadap penggunaan wang panjar memberi ruang kepada berlakunya penyelewengan wang awam.
4.	Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen yang lengkap.	Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perlis, Selangor dan Terengganu	Baucar yang disediakan tanpa disertakan dokumen sokongan yang lengkap akan menyukarkan proses pengesahan bayaran.


Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Pengurusan Deposit

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi **enam (6)** JKDM Negeri berada pada tahap **Cemerlang**, **empat (4)** JKDM Negeri pada tahap **Baik** dan **dua (2)** JKDM Negeri pada tahap **Memuaskan**. Bagaimanapun, prestasi pematuhan bagi JKDM Terengganu dan Selangor masing-masing

adalah **Kurang Memuaskan** dan **Tidak Memuaskan**. Pencapaian JKDM Negeri dari aspek Pengurusan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.31**.


CARTA 7.31
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN DEPOSIT JKDM NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 9 kriteria dalam pengurusan deposit bagi 14 JKDM Negeri adalah seperti di **Carta 7.32**.

CARTA 7.32
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 9 KRITERIA DALAM PENGURUSAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh JKDM Negeri dalam pengurusan deposit adalah seperti di **Jadual 7.19**.

JADUAL 7.19
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN DEPOSIT

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JKDM NEGERI	RISIKO
1.	Baki dalam daftar/rekod kecil berbeza dengan Akaun Utama Deposit.	Selangor dan Terengganu	Tiada keseragaman rekod antara dua daftar menunjukkan penyelenggaraan akaun yang tidak kemas kini. Ini akan menyukarkan proses pemulangan dan pewartaan deposit pada masa akan datang.
2.	Penyata Penyesuaian tidak disediakan dengan tepat.	Negeri Sembilan, Perlis dan Selangor	Pelaporan kedudukan deposit JKDM menjadi tidak tepat.
3.	Bayaran balik deposit tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan.	Johor	Berlaku risiko pemulangan deposit kepada pendeposit yang bukan sepatutnya.
4.	Deposit yang tidak ditutut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan (serta tidak diperlukan) tidak diwartakan.	WP Kuala Lumpur, Johor, Pahang, Selangor, Terengganu dan Sarawak	Amaun deposit akan berlarutan dalam akaun JKDM dan tidak boleh dipindahkan ke Kumpulan Wang Disatukan.


Sumber: Jabatan Audit Negara

f. Pengurusan Aset Dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi **enam (6)** JKDM Negeri berada pada tahap **Cemerlang**, **empat (4)** JKDM Negeri berada pada tahap **Baik** dan **dua (2)** JKDM Negeri berada pada tahap **Memuaskan**. Bagaimanapun, prestasi pematuhan bagi JKDM Pulau Pinang dan Negeri Sembilan masing-masing adalah **Kurang Memuaskan** dan **Tidak**

Memuaskan. Pencapaian JKDM Negeri dari aspek pengurusan aset dan stor bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.33.**


CARTA 7.33
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR JKDM NEGERI
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria dalam pengurusan aset dan stor bagi 14 JKDM Negeri adalah seperti di **Carta 7.34.**

CARTA 7.34
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 64 KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh JKDM Negeri dalam pengurusan aset dan stor adalah seperti di **Jadual 7.20**.

JADUAL 7.20
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR


BIL.	PENEMUAN AUDIT	JKDM NEGERI	RISIKO
1.	Agenda mesyuarat JKPAK yang ditetapkan tidak dibincangkan.	Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak dan Perlis	Ahli mesyuarat tidak mendapat maklumat yang lengkap tentang pengurusan aset Jabatan seperti pelantikan pegawai pemeriksa aset serta perancangan dan hasil pemeriksaan aset.
2.	Sebahagian harta modal dan aset alih bernilai rendah lewat didaftarkan iaitu melebihi tempoh dua minggu dari tarikh penerimaan aset.	Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perlis dan Selangor	Risiko berlaku keciciran dalam pendaftaran aset.
3.	Terdapat aset yang dibeli tidak digunakan.	Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur, Kelantan dan Selangor	Berlaku pembaziran dalam perolehan aset kerana penggunaannya tidak dioptimumkan.
4.	Penyelenggaraan Pencegahan dan Pembaikan yang dilaksanakan tidak direkodkan dalam Daftar Penyelenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) atau Rekod Penyelenggaraan Aset Alih Bernilai Rendah [KEW.PA-14(A)].	WP Kuala Lumpur, Kelantan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perlis, Sabah dan Selangor	Kesukaran dalam membuat pemantauan terhadap kerja-kerja penyelenggaraan aset.
5.	Pengiraan stok tidak dilaksanakan seratus peratus (100%) di Stor Utama dan Stor Unit oleh Pegawai Stor.	Johor, Negeri Sembilan dan Terengganu	Ketepatan rekod stok tidak dapat disahkan dan sekiranya berlaku kehilangan stok, kehilangan tersebut tidak dapat dikesan lebih awal.

Sumber: Jabatan Audit Negara

g. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan JKDM Negeri adalah membimbangkan yang mana **enam (6)** JKDM Negeri berada pada tahap **Tidak Memuaskan**, **dua (2)** JKDM Negeri berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan **dua (2)** JKDM Negeri berada pada tahap **Memuaskan**. Prestasi pematuhan bagi JKDM Negeri Melaka, Sabah dan Sarawak berada pada tahap **Baik** dan hanya JKDM Negeri Pulau Pinang mencapai tahap prestasi **Cemerlang**. Pencapaian JKDM Negeri dari aspek pengurusan kenderaan Kerajaan bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.35**.


CARTA 7.35
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN JKDM NEGERI
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam pengurusan kenderaan Kerajaan bagi 14 JKDM Negeri adalah seperti di **Carta 7.36**.

CARTA 7.36
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 35 KRITERIA DALAM PENGURUSAN KENDERAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh JKDM Negeri dalam pengurusan kenderaan adalah seperti di **Jadual 7.21**.

JADUAL 7.21
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KENDERAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	JKDM NEGERI	RISIKO
1.	Peringatan bertulis tidak dikeluarkan kepada pemandu/pegawai menyelaikan tertunggak.	Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang dan Sabah	Imej JKDM tercemar disebabkan kegagalan pemandu JKDM mematuhi peraturan lalu lintas.
2.	Tindakan selanjutnya (seperti potongan gaji) tidak diambil terhadap pemandu/pegawai selepas peringatan untuk menyelaikan saman dikeluarkan.		Ketiadaan tindakan tegas terhadap pemandu/pegawai JKDM yang membuat kesalahan lalu lintas memberi risiko berlakunya kesalahan yang sama berulang.
3.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	WP Kuala Lumpur, Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Terengganu	
4.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.	WP Kuala Lumpur, Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> Kesukaran dalam membuat pemantauan terhadap penggunaan kad inden dan KSBTTR. Sebarang penyalahgunaan penggunaan kad inden dan KSBTTR tidak dapat dikenal pasti.
5.	Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan jabatan tidak diselenggarakan oleh pegawai kenderaan dan pemandu dengan lengkap.	WP Kuala Lumpur, Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Selangor dan Terengganu	

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.5.4. Prestasi Universiti Teknologi MARA (*Across The Board*)

Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta 173, Akta ITM 1976. UiTM diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 1999 melalui Akta A1073 ITM (Pindaan) 2000, ITM ditukar menjadi universiti dan diberi nama UiTM dengan objektif menjadi sebuah universiti mega berlandaskan Wawasan 2020, misi dan objektif akademik. Pengauditan telah dilaksanakan di 13 kampus cawangan UiTM bermula bulan November 2017 hingga April 2018. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi **tiga (3)** kampus cawangan UiTM mencapai tahap **Cemerlang**, **tujuh (7)** kampus cawangan UiTM mencapai tahap **Baik**, **dua (2)** kampus cawangan UiTM mencapai tahap **Memuaskan** dan **satu (1)** kampus cawangan UiTM mencapai tahap **Kurang Memuaskan**. Tiga (3) kampus cawangan UiTM yang mencapai tahap Cemerlang adalah UiTM Kota Samarahan, UiTM Merbok dan UiTM Kota Kinabalu. UiTM Dungun, UiTM Jengka, UiTM Kuala Pilah, UiTM Machang, UiTM Permatang Pauh, UiTM Puncak Alam dan UiTM Segamat berada pada tahap Baik manakala UiTM Arau dan UiTM Seri Iskandar berada pada tahap Memuaskan. UiTM Alor Gajah berada pada tahap Kurang Memuaskan. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 bagi 13 kampus cawangan UiTM adalah seperti di **Carta 7.37** dan **Carta 7.38**. Prestasi mengikut elemen kawalan bagi 13 kampus cawangan UiTM tersebut adalah seperti **Carta 7.39**.


CARTA 7.37
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KAMPUS CAWANGAN UiTM
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

CARTA 7.38
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KAMPUS CAWANGAN UiTM
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 7.39
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KAMPUS CAWANGAN UiTM
MENGIKUT ELEMEN KAWALAN BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi 4 kampus cawangan UiTM berada pada tahap Cemerlang, 3 kampus cawangan UiTM pada tahap Baik dan 5 kampus cawangan UiTM berada pada tahap Memuaskan. Bagaimanapun, prestasi UiTM Alor Gajah berada di tahap Tidak Memuaskan dan memerlukan penambahbaikan yang berkesan. Pencapaian UiTM Negeri dari aspek kawalan pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.40**.


CARTA 7.40
TAHAP PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN KAMPUS CAWANGAN UiTM
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria dalam kawalan pengurusan bagi 13 kampus cawangan UiTM adalah seperti di **Carta 7.41**.

CARTA 7.41
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP
 51 KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh kampus cawangan UiTM dalam kawalan pengurusan adalah seperti di **Jadual 7.22**.

JADUAL 7.22
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PENGURUSAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KAMPUS CAWANGAN UiTM	RISIKO
1.	Carta organisasi yang dipamerkan kepada umum tidak lengkap dan tidak kemas kini.	Seri Iskandar, Segamat dan Alor Gajah	Kesulitan kepada orang awam untuk berurusan dengan pegawai yang betul.
2.	Penurunan kuasa kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan tidak diberi kuasa secara bertulis. Tiada penurunan kuasa secara khusus diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam kutipan (urusan kutipan secara manual atau elektronik) dan tiada penurunan kuasa secara khusus diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam bayaran (mengesah dan memperakui baucar bayaran).	Alor Gajah	Kesukaran untuk menentukan pegawai yang bertanggungjawab atas sebarang kehilangan.
3.	Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Pejabat (tidak terlibat dengan penyimpanan wang atau barang berharga tersebut/tidak memegang kunci peti besi).	Kota Kinabalu, Seri Iskandar, Alor Gajah dan Puncak Alam	Kehilangan aset dan wang awam lewat dikenal pasti tanpa pemantauan yang berterusan.
4.	Pemeriksaan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem, kad kredit, mesin reload kad Touch N Go atau barang-barang berharga tidak dijalankan.	Kota Kinabalu, Permatang Pauh, Arau, Machang, Alor Gajah dan Jengka	Kehilangan aset dan wang awam tidak dapat dikenal pasti dengan berkesan dan membuka ruang kepada penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KAMPUS CAWANGAN UiTM	RISIKO
5.	Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali atau tempoh yang ditetapkan oleh agensi.	Kota Kinabalu, Seri Iskandar, Jengka dan Puncak Alam	Kehilangan aset dan wang awam lewat dikenal pasti tanpa pemantauan yang berterusan.
6.	Pemeriksaan mengejut tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap.	Kota Kinabalu, Alor Gajah, Machang dan Arau	Kehilangan aset dan wang awam lewat dikenal pasti tanpa pemantauan yang berterusan.
7.	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun tidak bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan.	Alor Gajah, Dungun, Jengka, Kota Samarahan, Kuala Pilah, Machang, Permatang Pauh, Puncak Alam, Kota Kinabalu, Segamat dan Seri Iskandar	Penyelesaian terhadap isu berbangkit lewat diputuskan dan menjelaskan keberkesanan tindakan susulan.
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun tidak membincangkan perkara yang ditetapkan mengikut pekeliling. Minit mesyuarat tidak disediakan. Tindakan susulan tidak diambil terhadap keputusan mesyuarat yang lepas.	Alor Gajah, Dungun, Jengka, Kota Samarahan, Machang, Permatang Pauh, Puncak Alam dan Seri Iskandar	Penyelesaian terhadap isu berbangkit lewat diputuskan dan menjelaskan keberkesanan tindakan susulan.
9.	Laporan Suku Tahun Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun tidak disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh ditetapkan.	Alor Gajah, Dungun, Kuala Pilah, Machang, Merbok, Permatang Pauh, Puncak Alam, Kota Kinabalu dan Seri Iskandar	Kegagalan mematuhi 1PP PS 5.1.

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Bajet

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi kesemua **13** kampus cawangan UiTM berada pada tahap **Cemerlang**. Pencapaian kampus cawangan UiTM daripada aspek kawalan bajet bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.42**.

CARTA 7.42
TAHAP PRESTASI KAWALAN BAJET KAMPUS CAWANGAN UiTM
BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan di UiTM Seri Iskandar adalah berkenaan kegagalan kampus cawangan tersebut mengesan kemajuan pelaksanaan projek yang dilaksana olehnya atau agensi pelaksana dengan mendapatkan maklumat kemajuan kewangan dan fizikal secara berjadual/berkala.

c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi 11 kampus cawangan UiTM berada pada tahap Cemerlang, 1 kampus cawangan UiTM pada tahap Baik manakala 1 kampus cawangan UiTM berada pada tahap Memuaskan. Pencapaian 1 kampus cawangan UiTM dari aspek kawalan terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.43**.


CARTA 7.43
TAHAP PRESTASI KAWALAN TERIMAAN KAMPUS CAWANGAN UiTM
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam kawalan terimaan bagi 13 kampus cawangan UiTM adalah seperti di **Carta 7.44**.

CARTA 7.44
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 39 KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh kampus cawangan UiTM dalam kawalan terimaan adalah seperti di **Jadual 7.23.**

JADUAL 7.23
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN TERIMAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KAMPUS CAWANGAN UiTM	RISIKO
1.	Baki stok borang hasil di daftar tidak bersamaan dengan baki sebenar.	Segamat dan Alor Gajah	UiTM terdedah kepada risiko penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
2.	Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak setiap hari buku tunai dengan resit.	Alor Gajah	UiTM tidak dapat mengenal pasti sekiranya berlaku terimaan yang tidak diakaunkan dan hilang.
3.	Hasil yang dikutip tidak mengikut kadar yang dibenarkan.	Kuala Pilah	UiTM terdedah kepada risiko penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
4.	Daftar Mel tidak diperiksa dan disemak setiap hari dengan Buku Tunai oleh Pegawai Penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas.	Segamat, Kuala Pilah, Jengka dan Alor Gajah	UiTM terdedah kepada risiko penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
5.	Meminda sesuatu resit adalah dilarang dan resit yang dibatalkan tidak disimpan berserta salinannya.	Kuala Pilah	UiTM terdedah kepada risiko penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
6.	Pegawai yang membatalkan resit tidak diberi kuasa secara bertulis.	Alor Gajah	UiTM terdedah kepada risiko berlakunya kehilangan hasil Kerajaan apabila kawalan dalam pengurusan kutipan adalah lemah.
7.	Pungutan tidak dimasukkan ke bank dengan segera.		UiTM terdedah kepada risiko penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
8.	Laporan pengumuran penghutang tidak disediakan.	Permatang Pauh	Risiko berlaku salah nyata di dalam pernyataan kewangan yang dilaporkan.
9.	Daftar Cek Tak Laku tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	Puncak Alam	Risiko hasil yang tidak dapat dikutip atau terkurang nyata.

Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi **sembilan (9)** kampus cawangan UiTM berada pada tahap **Cemerlang, tiga (3)** kampus cawangan UiTM pada tahap **Baik** dan **satu (1)** kampus cawangan UiTM pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian kampus cawangan UiTM dari aspek pengurusan perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.45.**


CARTA 7.45
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN
KAMPUS CAWANGAN UiTM BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria dalam pengurusan perolehan bagi 13 kampus cawangan UiTM adalah seperti di **Carta 7.46**

CARTA 7.46
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP
49 KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh kampus cawangan UiTM dalam pengurusan perolehan adalah seperti di **Jadual 7.24.**

JADUAL 7.24
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KAMPUS CAWANGAN UITM	RISIKO
1.	Pelaksanaan perolehan secara elektronik tidak mencapai 75% daripada jumlah perbelanjaan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan.	Seri Iskandar	Tiada ketidaktelusan dalam proses perolehan.
2.	Kunci peti sebut harga dan tender tidak dipegang oleh 2 orang pegawai kanan.	Alor Gajah dan Seri Iskandar	Tiada ketelusan dalam proses perolehan.
3.	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun atau had yang ditetapkan dalam peraturan kewangan agensi.	Alor Gajah dan Arau	Wujud risiko salah guna kuasa apabila peringkat kelulusan mengikut had nilai perolehan tidak dipatuhi.
4.	Pesanan Tempatan/Pesanan Pembelian tidak dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diterima.	Machang, Alor Gajah dan Arau	Risiko berlaku ketidakpatuhan pada spesifikasi pembekalan/perkhidmatan yang diperlukan.
5.	Pesanan Tempatan/Pesanan Pembelian diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.	Alor Gajah	Wujud risiko salah guna kuasa atau penyelewengan.
6.	Kajian pasaran tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.		Kepentingan Kerajaan tidak terpelihara untuk mendapatkan tawaran harga yang berpatutan dengan kualiti barang/perkhidmatan.
7.	Perolehan dengan Sebut Harga bagi setiap jenis item tidak mendapatkan sekurang-kurangnya dua (2) Sebut Harga.	Alor Gajah	Kepentingan Kerajaan tidak terpelihara untuk mendapatkan tawaran harga yang berpatutan dengan kualiti barang/perkhidmatan.
8.	Jawatankuasa Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal.	Alor Gajah	
9.	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan yang diberi kuasa.		Wujud risiko salah guna kuasa atau penyelewengan.
10.	Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan yang diberi kuasa.		
11.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> tidak dipatuhi bagi pengurusan Sebut Harga.	Permatang Pauh	Tindakan pencegahan Kerajaan dalam usaha menangani gejala rasuah dalam perolehan menjadi kurang berkesan.
12.	Maklumat lengkap mengenai pertimbangan dan keputusan Sebut Harga tidak disimpan oleh Urus Setia Sebut Harga.	Arau	Tiada ketelusan dalam proses perolehan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KAMPUS CAWANGAN UiTM	RISIKO
13.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> tidak dipatuhi bagi pengurusan Tender.	Permatang Pauh	Tindakan pencegahan Kerajaan dalam usaha menangani gejala rasuah dalam perolehan menjadi kurang berkesan.
14.	Perolehan secara Rundingan Terus tidak mendapat kelulusan Perbendaharaan atau Lembaga Pengarah seperti yang ditetapkan dalam peraturan Agensi.	Seri Iskandar	Wujud risiko salah guna kuasa apabila peringkat kelulusan mengikut had nilai perolehan tidak dipatuhi.
15.	Proses penilaian, pertimbangan dan keputusan Rundingan Terus tidak teratur.	Seri Iskandar dan Kuala Pilah	Wujud risiko salah guna kuasa atau penyelewengan.
16.	Kontrak lewat ditandatangani iaitu melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.	Dungun, Kuala Pilah, Arau, Permatang Pauh dan Seri Iskandar	Kepentingan Kerajaan tidak terpelihara dalam tempoh ketiadaan kontrak.

Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi **lapan (8)** kampus cawangan UiTM berada pada tahap **Cemerlang** dan **lima (5)** kampus cawangan UiTM pada tahap **Baik**. Pencapaian kampus cawangan UiTM dari aspek kawalan perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.47**.


CARTA 7.47
TAHAP PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN KAMPUS CAWANGAN UiTM
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria dalam kawalan perbelanjaan bagi 13 kampus cawangan UiTM adalah seperti di **Carta 7.48**.

CARTA 7.48
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 18 KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh kampus cawangan UiTM dalam kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 7.25**.

JADUAL 7.25
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PERBELANJAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KAMPUS CAWANGAN UiTM	RISIKO
1.	Had kuasa meluluskan baucar bayaran yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.	Alor Gajah, Machang dan Seri Iskandar	Had perakuan yang tidak selaras dengan perwakilan kuasa akan memberi implikasi dari aspek perundangan.
2.	Baucar bayaran disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna.	Kota Samarahan, Kuala Pilah dan Permatang Pauh	Baucar yang disediakan tanpa disertakan dokumen sokongan yang lengkap akan menyukarkan proses pengesahan bayaran.
3.	Pembayaran tidak dibuat dengan betul dan tepat.	Seri Iskandar, Kuala Pilah dan Permatang Pauh	Risiko berlaku penyelewengan wang awam.
4.	Bayaran tidak dibuat kepada penerima yang sah.	Kota Samarahan	
5.	Panjar Wang Runcit tidak disimpan di tempat yang selamat (peti wang tunai dan disimpan di dalam kabinet besi berkunci atau peti besi).	Jengka	Risiko berlaku kecurian.

Sumber: Jabatan Audit Negara

f. Kawalan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit


- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi tiga (3) kampus cawangan UiTM berada pada tahap **Cemerlang**, satu (1) kampus cawangan UiTM pada tahap **Baik**, dua (2) kampus cawangan UiTM pada tahap **Memuaskan** dan lima (5) kampus cawangan UiTM pada tahap **Kurang Memuaskan**. Bagaimanapun, prestasi pematuhan bagi UiTM Seri Iskandar dan UiTM Alor Gajah adalah **Tidak Memuaskan**. Pencapaian kampus cawangan UiTM dari aspek kawalan kumpulan wang pinjaman dan deposit bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.49**.

CARTA 7.49
TAHAP PRESTASI KAWALAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT
BAGI KAMPUS CAWANGAN UiTM BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria dalam kawalan kumpulan wang pinjaman dan deposit bagi 13 kampus cawangan UiTM adalah seperti di **Carta 7.50**.



- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh kampus cawangan UiTM dalam kawalan kumpulan wang pinjaman dan deposit adalah seperti di **Jadual 7.26**.

JADUAL 7.26
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KAMPUS CAWANGAN UiTM	RISIKO
1.	Bayaran balik dan pelarasan tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan.	Alor Gajah, Dungun, Machang, Merbok, Permatang Pauh, Puncak Alam, Segamat dan Seri Iskandar.	Perlanggaran peraturan yang telah ditetapkan.
2.	Denda/ Surcaj tidak dikenakan kepada pegawai bertanggungjawab.	Alor Gajah, Dungun dan Seri Iskandar.	Berlaku kurangan kutipan wang awam.
3.	Bayaran balik deposit tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan.	Alor Gajah, Arau, Seri Iskandar dan Puncak Alam	Berlaku risiko pemulangan deposit kepada pendeposit yang bukan sepatutnya.
4.	Deposit yang tidak dituntut 3 bulan selepas diwartakan tidak dihantar kepada Akauntan Negara Malaysia mengikut Akta Wang Tidak Dituntut.	Jengka, Merbok, Puncak Alam, Segamat dan Permatang Pauh	Berlaku perlanggaran Akta Wang Tidak Dituntut.


Sumber: Jabatan Audit Negara

g. Pengurusan Aset Dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan bagi **satu (1)** kampus cawangan UiTM berada pada tahap **Cemerlang**, **tiga (3)** kampus cawangan UiTM berada pada tahap **Baik** dan **satu (1)** kampus cawangan

UiTM berada pada tahap **Memuaskan**. Bagaimanapun, prestasi pematuhan bagi **tiga (3)** kampus cawangan UiTM adalah **Kurang Memuaskan** dan **lima (5)** kampus cawangan UiTM adalah **Tidak Memuaskan**. Pencapaian kampus cawangan UiTM dari Aspek Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.51**.


CARTA 7.51
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR KAMPUS CAWANGAN UiTM
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 98 kriteria dalam pengurusan aset dan stor bagi 13 kampus cawangan UiTM adalah seperti di **Carta 7.52**.

CARTA 7.52
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP
 98 KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh kampus cawangan UiTM dalam pengurusan aset dan stor adalah seperti di **Jadual 7.27**.

JADUAL 7.27
ANTARA PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KAMPUS CAWANGAN UiTM	RISIKO
1.	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) tidak ditubuhkan.	Alor Gajah	Tiada mesyuarat JKPAK diadakan sepetimana kehendak Pekeliling Bendahari Bilangan 2 Tahun 2011.
2.	Keanggotaan JKPAK tidak dipatuhi.		
3.	Agenda mesyuarat JKPAK yang ditetapkan tidak dibincangkan.	Alor Gajah, Dungun, Kuala Pilah, Arau, Permatang Pauh, Segamat dan Seri Iskandar	Ahli mesyuarat tidak mendapat maklumat yang lengkap tentang pengurusan aset Jabatan seperti pelantikan pegawai pemeriksa aset serta perancangan dan hasil pemeriksaan aset.
4.	Pegawai penerima tidak bertauliah menjalankan pemeriksaan teknikal.	Alor Gajah dan Kota Samarahan	Aset yang diterima tidak diperiksa oleh pegawai yang bertauliah bagi memastikan spesifikasi dipatuhi.
5.	Pemeriksaan aset tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun.	Permatang Pauh	Sekiranya berlaku kehilangan stok, kehilangan tersebut tidak dapat dikesan lebih awal.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KAMPUS CAWANGAN UiTM	RISIKO
6.	Pemeriksaan dilaksanakan di Stor Pusat dan Stor Utama sekali setahun ke atas semua stok secara 100% mulai 1 Oktober tahun kewangan diaudit.	Arau, Machang dan Alor Gajah	Ketepatan rekod stok tidak dapat disahkan dan sekiranya berlaku kehilangan stok, kehilangan tersebut tidak dapat dikesan lebih awal.
7.	Penyata penggunaan kad <i>Touch 'n Go</i> bagi kenderaan agensi diterima/dicetak dan semakan dilaksanakan oleh pegawai bertanggungjawab.	Dungun, Jengka, Kuala Pilah, Arau, Permatang Pauh dan Segamat	Kesukaran dalam membuat pemantauan dan sebarang penyalahgunaan tidak dapat dikenal pasti.
8.	Pegawai bertanggungjawab tidak melaporkan kehilangan kepada Ketua Agensi dengan serta-merta.	Alor Gajah, Dungun, Jengka, Merbok dan Seri Iskandar	
9.	Ketua Agensi/Pegawai bertanggungjawab tidak membuat Laporan Polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan.	Alor Gajah, Dungun, Jengka dan Seri Iskandar	
10.	Ketua Agensi/Pegawai bertanggungjawab di peringkat Ibu Pejabat tidak menyedia Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan (Lampiran J atau KEW.PA-28) dan kemukakan bersama salinan Laporan Polis kepada Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah dalam tempoh 2 hari bekerja atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi dari tarikh kehilangan.	Dungun, Jengka, Merbok, Permatang Pauh dan Seri Iskandar	Tindakan siasatan lewat dimulakan.
11.	Tindakan selepas kelulusan bagi pengurusan hapus kira adalah tidak teratur.	Jengka	Item Hartanah, Loji dan Peralatan terlebih nyata.

Sumber: Jabatan Audit Negara


h. Kawalan Pelaburan dan Pinjaman

Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan kampus cawangan UiTM adalah Cemerlang kerana tiada ketidakpatuhan ditemui oleh pihak Audit.

i. Pengurusan Penyata Kewangan

- i. Secara keseluruhannya, prestasi pematuhan kampus cawangan UiTM adalah Cemerlang kecuali UiTM Alor Gajah yang mempunyai satu (1) ketidakpatuhan. Pencapaian kampus cawangan UiTM dari aspek pengurusan penyata kewangan bagi tahun 2017 adalah seperti di **Carta 7.53.**


CARTA 7.53
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN
KAMPUS CAWANGAN UiTM BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam pengurusan penyata kewangan bagi 13 kampus cawangan UiTM adalah seperti di **Carta 7.54**.

CARTA 7.54
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 28 KRITERIA DALAM PENGURUSAN KENDERAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Penemuan Audit terhadap ketidakpatuhan ditemui di UiTM Alor Gajah seperti di **Jadual 7.28**.

JADUAL 7.28
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KAMPUS CAWANGAN UiTM	RISIKO
1.	Penyata kewangan yang dikemukakan untuk diaudit mempunyai kesilapan persembahan, pengiraan dan angka.	Alor Gajah	Penyata kewangan yang dikeluarkan daripada data sistem perakaunan yang mempunyai kesilapan seperti kurang nyata atau terlebih nyata.

Sumber: Jabatan Audit Negara


7.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2017 berada pada tahap **Baik**. Bagaimanapun, Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalam pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

- 7.6.1 Memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;

- 7.6.2** Pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- 7.6.3** Memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- 7.6.4** Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjelaskan imej Kerajaan;
- 7.6.5** Berusaha mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- 7.6.6** Menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- 7.6.7** Melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

Pengauditan Pengurusan Kewangan (IA) ini dilakukan berdasarkan sampel dan **Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan** adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya *fraud* dan salah laku.



PENUTUP

PENUTUP

1. Pada keseluruhannya sebanyak 148 agensi meliputi Badan Berkanun Persekutuan (BBP), Kumpulan Wang Persekutuan (KWP), Akaun Amanah dan agensi lain telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 sebelum 30 April 2018 dan dua (2) Agensi mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2018. Kelewatan mengemukakan penyata kewangan agensi selepas 30 Jun 2018 perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Kesemua Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi 1Pekeliling Perbendaharaan PA3.1 yang memerlukan penyata kewangan yang disediakan mengikut piawaian perakaunan *Financial Reporting Standard (FRS)/ Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)* dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)* yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board (MASB)* dan *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* yang dikeluarkan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
2. Sehubungan itu, Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain hendaklah memastikan penyata kewangan dikemukakan mengikut tempoh ditetapkan dengan dokumen sokongan yang lengkap dan *auditable* serta selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.
3. Selain itu, Kementerian hendaklah memastikan kewujudan agensi baru mematuhi ketetapan Akta Tubuh/Akta 240 berkaitan penyediaan dan pengemukaan Penyata Kewangan Tahunan untuk pengauditan oleh Ketua Audit Negara tanpa kelewatan.
4. Pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2018 terhadap 148 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan/Akaun Amanah dan agensi lain bagi tahun kewangan 2017 mendapati sebanyak 110 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 17 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matters*, enam (6) diberi Pendapat Berteguran, satu (1) diberi Pendapat Bertentangan, dan satu (1) diberi Penafian Pendapat manakala 13 penyata kewangan masih belum dimuktamadkan. Selain itu, dua (2) Penyata Kewangan tahun 2016 yang tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2016 kerana lewat dikemukakan, telah dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara pada bulan September dan Oktober 2017. Agensi tersebut, iaitu Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Lembaga Ahli Geologi Malaysia masing-masing telah diberi Pendapat Tanpa Teguran.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

5. Bagi pengauditan pengurusan kewangan, prestasi pengurusan kewangan di 19 Jabatan Persekutuan menunjukkan **dua (2)** Jabatan Persekutuan mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **10** mencapai tahap **Baik, lima (5)** berada ditahap **Memuaskan** dan **dua (2)** pada tahap **Kurang Memuaskan**.
6. Prestasi pengurusan kewangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) secara *across the board* di 14 JKDM negeri bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **tiga (3)** JKDM Negeri mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **tujuh (7)** JKDM Negeri mencapai tahap **Baik** dan **empat (4)** berada ditahap **Memuaskan**.
7. Prestasi pengurusan kewangan 13 cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) secara *across the board* di 13 negeri bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **tiga (3)** kampus cawangan mencapai tahap **Cemerlang**, sebanyak **tujuh (7)** kampus cawangan mencapai tahap **Baik** dan **dua (2)** ditahap **Memuaskan** dan **satu (1)** kampus cawangan pada tahap **Kurang Memuaskan**.
8. Sehubungan itu, Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan disyorkan bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan.
9. Selain itu, pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad.
10. Ketua Jabatan pula hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjelaskan imej Kerajaan.



LAMPIRAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

LAMPIRAN A

SENARAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN, AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		JENIS PENDAPAT AUDIT		
		2015	2016	2017
A	JABATAN PERDANA MENTERI			
1	AGENSI INOVASI MALAYSIA (AIM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD
2	LEMBAGA TABUNG HAJI (LTH)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	EOM
3	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)	EOM	EOM	EOM
4	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
5	MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
6	MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECERDC)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
7	PERBADANAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA (PR1MA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD
8	PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
9	PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (IRDA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
10	SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (SUHAKAM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
11	SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
12	SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (SPAD)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
B	KEMENTERIAN KEWANGAN			
13	BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
14	BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
15	INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA (MIA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
16	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) (KWAP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
17	KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
18	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	EOM
19	LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
20	LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)	-	EOM	EOM
21	LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR, EJEN HARTA TANAH DAN PENGURUS HARTA (LPPEH)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
22	LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
23	LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA (LTM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
24	PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
25	YAYASAN TUN RAZAK (YTR)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
C	KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI			
26	LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
27	LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA (LTKN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
28	LEMBAGA KOKO MALAYSIA (KOKO)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
29	LEMBAGA LADA MALAYSIA (MPB)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
30	LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
31	LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

LAMPIRAN A

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		JENIS PENDAPAT AUDIT		
		2015	2016	2017
32	LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG (WAKAF HINDU)	BERTEGURAN	BERTEGURAN	TANPA TEGURAN
33	LGM PROPERTIES CORPORATION (LGMPC)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
D KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI				
34	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
35	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)	BERTEGURAN	EOM	BELUM MUKTAMAD
36	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
37	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
38	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)	BERTEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD
39	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BERTEGURAN
40	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
41	YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN PERTUBUHAN PELADANG MADA (YP MADA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
E KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH				
42	MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
43	LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)	TANPA TEGURAN	BERTEGURAN	BERTEGURAN
44	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
45	LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA)	BERTEGURAN	BERTEGURAN	BERTEGURAN
46	LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
47	PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)	EOM	EOM	EO M
48	YAYASAN PELAJARAN MARA (YPM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
F KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR				
49	LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA (BoG)	-	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
50	LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH (TIMAH)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
51	LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA (JURUKUR)	TANPA TEGURAN	EOM	EOM
52	INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD
G KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI				
53	LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
54	PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
55	PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (MATRADE)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
56	PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
H KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN				
57	MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (MKM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
58	PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
59	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

LAMPIRAN A

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		JENIS PENDAPAT AUDIT		
		2015	2016	2017
60	SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
61	SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
I KEMENTERIAN KERJA RAYA				
62	LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA (LAM)	-	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
63	LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (LJM)	-	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
64	LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA (LJBM)	-	TANPA TEGURAN	EOM
65	LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BERTEGURAN
66	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
J KEMENTERIAN PENGANGKUTAN				
67	INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	PENAFIAN PENDAPAT
68	LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (LP BINTULU)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD
69	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (LP JOHOR)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
70	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR TANJUNG PELEPAS (LP JOHOR – TG. PELEPAS)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
71	LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)	EOM	EOM	TANPA TEGURAN
72	LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN (LP KEMAMAN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
73	LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (LP KUANTAN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
74	LEMBAGA PELABUHAN MELAKA (LPM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
75	PERBADANAN ASET KERETAPI (PAK)	BERTEGURAN	EOM	TANPA TEGURAN
76	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (SPPP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
77	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG - TELUK EWA (SPPP - TELUK EWA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
78	SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA (MAVCOM)	-	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
79	LEMBAGA PELABUHAN LABUAN	-	-	BELUM MUKTAMAD
K KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR				
80	PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI MALAYSIA (SEDA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
81	SURUHANJAYA TENAGA (ST)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
82	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
L KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI				
83	AKADEMI SAINS MALAYSIA (ASM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
84	LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)	-	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
M KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN				
85	AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (ASWARA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
86	LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (LPSVN)	TANPA TEGURAN	EOM	TANPA TEGURAN
87	LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA (LPPM)	EOM	EOM	EOM
88	PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA (KRAFTANGAN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

LAMPIRAN A

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		JENIS PENDAPAT AUDIT		
		2015	2016	2017
N	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
89	PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
90	PERBADANAN LABUAN (PL)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	EOM
91	PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU (PKB)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD
92	MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (MSWP)	EOM	TANPA TEGURAN	EOM
O	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
93	AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
94	PUTAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (PPUM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
95	PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
96	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	EOM
97	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
98	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
99	UNIVERSITI MALAYA (UM)	TANPA TEGURAN	EOM	EOM
100	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
101	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
102	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)	EOM	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
103	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
104	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
105	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
106	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
107	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
108	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
109	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
110	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
111	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
112	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
113	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	EOM
114	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
115	YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (YTAR)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD
P	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
116	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
117	KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU (KWSG) / YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
118	MAJLIS PEPELIKSAAN MALAYSIA (MPM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
Q	KEMENTERIAN KESIHATAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
119	LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (MySihat)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
120	PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (PBPP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

LAMPIRAN A

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		JENIS PENDAPAT AUDIT			
		2015	2016	2017	
R	KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN				
121	PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCOP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	
S	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN				
122	MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA (MSN)	BERTEGURAN	BERTEGURAN	BERTEGURAN	
123	INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IPPBPM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD	
124	INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD	
125	PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	
126	PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG (PPGS)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	
T	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA				
127	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	EOM	
128	PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)	EOM	EOM	EOM	
U	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA				
129	PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	
130	PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)	BERTENTANGAN	BERTENTANGAN	BERTENTANGAN	
V	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT				
131	LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	
W	KEMENTERIAN PERTAHANAN				
132	LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	BELUM MUKTAMAD	
133	PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (PERNAMA)	TANPA TEGURAN	EOM	BERTEGURAN	
134	PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (PPHM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	
135	PERBADANAN HAL EHWAH BEKAS ANGKATAN TENTERA (PERHEBAT)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	EOM	

KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH		JENIS PENDAPAT AUDIT		
		2015	2016	2017
136	AKAUN KEBAJIKAN KAKITANGAN BANK NEGARA MALAYSIA (SWA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
137	KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (KWPDP)	EOM	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
138	KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN (KWSMP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
139	KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (KWAN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
140	KUMPULAN WANG JUBLI PERAK PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI (JUBLI PERAK)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
141	KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA & YANG DIPERTUA -YANG DIPERTUA NEGERI (BIASISWA RAJA-RAJA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
142	KUMPULAN WANG WARISAN	-	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
143	TABUNG PENCEN LEMBAGA PESURUHJAYA MATAWANG MALAYA DAN BRITISH BORNEO (TPLM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
144	YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YPEIM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 2

LAMPIRAN A

KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH		JENIS PENDAPAT AUDIT		
		2015	2016	2017
145	TABUNG KEBAJIKAN KAKITANGAN LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
146	TABUNG WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE)	-	-	EOM

AGENSI LAIN		JENIS PENDAPAT AUDIT		
		2015	2016	2017
147	BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (BANK RAKYAT)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
	DIDAFTARKAN DI BAWAH AKTA KOPERASI 1993			
148	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
	DIDAFTARKAN DI BAWAH AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976			

Nota: EOM- Emphasis of Matter



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my